




siri biografi untuk pelajar

---

---

**Biografi**  
**ZAKARIA SALLEH**





siri biografi untuk pelajar

# Biografi ZAKARIA SALLEH

Lily Haslina Nasir

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2002

Cetakan Pertama 2002  
© Lily Haslina Nasir 2002

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Lily Haslina Nasir

Zakaria Salleh / Lily Haslina Nasir.

(Siri biografi untuk pelajar)

ISBN 983-62-7136-8

1. Zakaria Salleh, 1944-. 2. Authors, Malay--Biography.

1. Judul. II. Siri.

928.9923

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

**M**

1123200

110 SEP 2003

# KANDUNGAN

Prakata.....	vii
Carta Keluarga .....	ix
<b>BAB 1</b> - Mesin Taip, Kertas dan Ilham .....	1
<b>BAB 2</b> - Alam Persekolahan .....	12
<b>BAB 3</b> - Memasuki Alam Remaja .....	27
<b>BAB 4</b> - Kehidupan Berkeluarga .....	48
<b>BAB 5</b> - Bercambahnya Bakat Penulisan .....	61
<b>BAB 6</b> - Gigih Menyertai Bengkel dan Kursus .....	72
<i>Tarikh Penting</i> .....	89



"Apabila berhadapan dengan musuh, jangan sesekali berundur sebelum berjuang. Apabila berjuang, berjuanglah hingga ke titisan darah yang terakhir".

## PRAKATA


Satu daripada aspek pemberatan dalam pemetaan, pengajaran dan pembelajaran komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ialah biodata pengarang yang karyanya dijadikan bahan teks wajib untuk diteliti dan dihayati oleh pelajar. Meneliti dan menjejaki susur-galur kehidupan seseorang tokoh pengarang, bermakna kita berusaha menjejaki perjuangannya, sumbangannya, pemikirannya, cita-citanya, sejarah yang diciptanya dan pengalamannya. Daripada pengalaman pengarang itu, dapat pula diteladani - mana-mana yang baik dapat dijadikan iktibar dan pedoman untuk meneruskan kelangsungan hidup ini.

Menyedari akan hakikat tersebut serta peri pentingnya para pelajar mengetahui latar belakang perjuangan, cita-cita, harapan dan wawasan seseorang tokoh, maka buku *Biografi Zakaria Salleh* ini telah diusahakan penerbitannya.

Biografi Zakaria Salleh ini juga menjadi bahan penting kepada pembaca untuk mengenali Zakaria Salleh melalui novel karyanya yang berjudul *Limpahan Darah di Sungai Semur*.

Secara umumnya, buku ini cuba memaparkan riwayat hidup Zakaria Salleh - bagaimana kehidupannya pada zaman kanak-kanak; zaman persekolahannya; sumbangan dalam bidang ketenteraan serta aktiviti beliau dalam bidang penulisan.





Semoga biografi kecil ini dapat memberi manfaat kepada pembaca - sekurang-kurangnya menjadi sumber inspirasi atau contoh ikutan yang berguna serta memberi semangat dan motivasi kepada pembaca khususnya para remaja.

**Lily Haslina Nasir**

# SALASILAH KELUARGA ZAKARIA SALLEH

Salleh Saad + Che Mah Jusoh

Aisah

Omar

Abdul Rani

Zakaria + Norayne

Rafeah



Azli Sham +  
Noraziah

Azura Ayu

Azean Edawati

Azliana

Azharuddin

Azfar Aizat

Azyan Fatin



Mohd. Najmi Hakim




Mohd. Zarif Iskandar



Nur Atiqah





# BAB 1

## MESIN TAIP, KERTAS DAN ILHAM

Ketika ilham datang mencurah



Zakaria sedang menaip dan meneliti manuskrip yang dihasilkannya. Inilah mesin taip pertama yang dibeli hasil royalti karyanya.

Malam kian sunyi. Kipas siling berputar perlahan. Bagai tidak terasa anginnya. Sesekali bunyi putarannya mengganggu ketenangan. Ketika cuaca panas begini, walaupun malam sudah larut, namun hawanya masih berbahang. Namun, Zakaria masih setia dengan mesin taipnya.



*"Masyarakat memang agak kurang didedahkan dengan kehidupan anggota tentera terutama tentang disiplin, tanggungjawab dan tugas yang dipikul. Sebab itulah, saya banyak menulis novel-novel berkaitan ketenteraan"*

- Zakaria Salleh

Di langit, bergemerlapan bintang yang bertaburan. Bulan sabit kelihatan berbalambalam dilindungi awan. Ketika itu, bunyi mesin taip Zakaria memecah kesunyian malam. Seseekali kedengaran dengungan cengkerik saling bertingkah dengan bunyi ketukan mesin taip Zakaria.

Pada hujung minggu, biasanya rakan sebilik Zakaria keluar berjalan-jalan. Masing-masing mempunyai perancangan dan atur cara tersendiri menjelang hari cuti. Berbeza dengan Zakaria, tidak pula tergerak hatinya untuk menghabiskan masa bersiar-siar di bandar. Walaupun rakan sebilik mempelawanya keluar bersama-sama, dia menolak secara baik.

Sudah beberapa minggu fikirannya terganggu. Mujur apabila bertugas, gangguan itu tidak terlalu mencengkam fikiran. Zakaria masih mampu meletakkan batas atau garis sempadan antara tanggungjawab di pejabat dengan perkara yang sering mengusik ketenteraman jiwanya.

Zakaria dapat merasakan ada sesuatu yang perlu diluahkan dari mindanya. Selagi masalah yang berlegar-legar di mindanya itu tidak diterjemahkan dalam bentuk karya kreatif, dia tidak akan berasa tenang.

Namun, setiap kali dia mencapai kertas dan mesin taip, ilham yang mengusik perasaan masih tidak dapat diluahkan dengan lancar. Puas dia memikirkan sambil mencatat segala yang terbayang di ingatan. Catatan-catatan tersebut biasanya dapat membantu Zakaria ketika mengetuk mesin taip. Tetapi nampaknya kali ini dia masih menemui jalan buntu.

Tidur menjadi tidak lena gara-gara ilham yang tidak begitu ranum untuk diluahkan melalui mesin taip. Zakaria sebenarnya mahu menjalin jalan cerita sebaik mungkin. Dia berusaha



membayangkan watak-watak yang bakal ditampilkan di dalam karya terbarunya itu.

Selain daripada jalan cerita yang rencam dan menarik, Zakaria turut memastikan setiap watak dalam karya itu berkembang dengan sempurna. Perlukisan watak dipastikan jelas agar pembaca dapat menghayati karyanya dengan berkesan.

Untuk memperoleh hasil yang memuaskan, Zakaria memerlukan masa bersendirian. Dia memilih hari minggu untuk berkarya. Zakaria bertuah kerana rakan-rakan memahami sikapnya itu. Mereka tidak mengganggu. Hanya apabila melihat Zakaria terlalu tekun menaip hingga lupa makan dan minum, mereka akan mengusik Zakaria. Usikan itu sekadar mengingatkan Zakaria agar tidak mengabaikan kesihatan.

Setiap kali mula menaip, Zakaria kerap menukar ayat pertamanya. Ayat pertama itu kunci segala-galanya. Bermula dengan ayat pertama yang baik, cerita Zakaria semakin berkembang. Dia mulai khusyuk dan tekun menaip. Jika dapat menghabiskan bab pertama pada malam itu, suatu kejayaan dan kepuasan yang amat bererti baginya.

*Antara hasil penulisan Zakaria yang disiarkan dalam akhbar dan majalah tempatan. Kebanyakannya berkisar tentang perjuangan anggota tentera.*

*Selain disebabkan minat mendalam terhadap dunia penulisan, Zakaria menyifatkan karyanya itu sebagai penghargaan kepada rakan tentera yang berjasa terhadap negara terutama mereka yang gugur di perbatasan demi mempertahankan tanah air tercinta.*

Malam berikutnya dia masih terus menaip. Dia tidak berasa letih, jemu atau mengantuk apabila menghadap mesin taip. Tidak terasa hari telah jauh malam. Seseekali terdengar kokokan ayam. Itu petanda hari sudah dinihari dan embun mula menitik. Namun, ketika ilham datang mencurah, dia akan terus menaip dengan penuh semangat dan bertenaga, lebih-lebih lagi ketika menatap hasil kerjanya pada malam itu.

Kali ini, Zakaria semakin yakin dengan plot cerita yang berlegar-legar di mindanya selama ini. Tidak sia-sia dia memikirkannya hampir berminggu-minggu. Selain daripada jalan cerita yang rencam dan menarik, Zakaria turut memastikan setiap watak dalam karya itu berkembang dengan sempurna. Pelukisan watak dipastikan jelas agar pembaca dapat menghayati karyanya dengan berkesan.

Zakaria yakin pembaca daripada golongan remaja pasti ramai yang ingin mengetahui kisah kehidupan seorang tentera.





Pengalaman Zakaria dalam angkatan tentera dijalin rapi agar menjadi sebuah novel yang menarik. Hasil pengamatan dan pengalaman sendiri, Zakaria yakin dia mampu menulis dengan baik kisah perjuangan tentera di hutan belantara. Antaranya ialah kisah pertempuran anggota tentera di perbatasan demi kedaulatan negara tercinta dan juga kisah tentera yang gugur ketika berjuang mempertahankan tanah air.

*Pahit getir yang dilalui oleh anggota tentera sentiasa menjadi tema yang digarap indah oleh Zakaria melalui novelnya.*

## Sejarah kelahiran

Zakaria lahir pada 13 Mei 1944 di Kampung Jaha, Sungai Mati, Matang, lebih kurang 20 kilometer dari bandar Taiping. Zakaria dilahirkan dalam keluarga yang serba kekurangan. Kehidupan di kampung mencorak jati dirinya. Dia mempunyai adik-beradik seramai lima orang. Zakaria anak keempat. Dia mempunyai seorang kakak, dua orang abang dan seorang adik perempuan. Kakak sulungnya bernama Aishah, diikuti Omar, Abdul Rani dan adik perempuannya Rafeah.





*Kehidupan di kampung telah membentuk Zakaria menjadi seorang pemuda yang cekal dan berdikari.*

Namun begitu, saudara kandung Zakaria yang masih ada sehingga kini hanya Rafeah. Adik perempuannya itu kini menetap di Taiping. Kakak dan abang-abangnya sudah kembali ke rahmatullah beberapa tahun yang lalu. Walaupun berjauhan, Zakaria tetap menziarahi adik perempuannya apabila berkesempatan. Lebih-lebih lagi ibunya yang amat disayangi ada di kampung.

Keseronokan hidup di kampung sentiasa segar dalam ingatan dan masih mewangi dalam memorinya. Walaupun keadaan kampung sekarang agak berbeza dengan dahulu, keriangannya meniti kehidupan di kampung tidak ada tolok bandingnya.

Ayah Zakaria, Salleh Saad, bekerja dengan tulang empat keratnya untuk menyara keluarga. Salleh tidak pernah mengenal erti penat dan jemu bekerja menoreh getah. Dia juga berkebun dan bersawah demi mencari nafkah keluarga. Ibu Zakaria, Che Mah Jusoh, seorang suri rumah. Walaupun banyak masanya dihabiskan di rumah mengasuh anak-anak, ada ketikanya Che Mah turut ke sawah dan menoreh getah bagi membantu suaminya. Anak-anaknya dididik dengan semangat berdikari, berjimat-cermat dan tidak meminta-minta. Malah, adakalanya anak-anak mencari dan berusaha sendiri sekiranya mereka berhajatkan sesuatu.

Walaupun dilahirkan dalam keluarga yang serba kekurangan, Zakaria diasuh dengan penuh disiplin dan kasih sayang. Dia tidak pernah dimewahkan dengan wang ringgit atau barangan mahal. Kebetulan ketika itu rata-rata kehidupan masyarakat di kampung dalam aras kemiskinan. Jarang benar orang kampung yang memiliki motosikal, kalau ada pun, mereka itu pastinya orang berada. Namun Zakaria tetap menikmati kehidupan yang sempurna dan menyeronokkan ketika di kampung.

## Permainan di kampung

Zakaria dan rakan-rakan sebaya tetap ceria dengan cara mereka sendiri. Tanpa memerlukan modal wang ringgit, mereka bebas bermain dan meneroka kehidupan di kampung yang diwarisi turun-temurun. Apabila masa terluang, Zakaria akan menoreh getah atau turun ke sawah menolong ayah dan ibunya. Seseekali dia memancing ikan atau menahan lukah bersama-sama rakan sekampung.



Rumah pusaka di Kampung Jaha, Sungai Mati, Matang, tempat kelahiran Zakaria Salleh.



Kepenatan menangkap ikan terubat apabila melihat kilauan sisik ikan pelaga ketika disinari cahaya matahari.

Selain ikan sepat, keli, puyu dan haruan, Zakaria akan berasa amat seronok dan riang apabila dapat membawa pulang ikan pelaga. Sebelum menangkap ikan pelaga, dia terlebih dahulu akan menyediakan beberapa buah botol kaca.

Ikan pelaga yang ditangkap dimasukkan ke dalam botol kaca ini. Ikan pelaga begitu cantik apabila ia berenang sambil mengembangkan ekornya. Warna sisik ikan pelaga boleh berubah-ubah apabila disinari cahaya matahari.

Jemu menangkap ikan di sungai, Zakaria berpakat bersama-sama rakannya untuk bermain guli atau permainan tradisional yang lain. Pada masa itu, bermain guli amat digemari oleh kanak-kanak lelaki. Mereka bermain guli batu atau guli kaca.

Jika bermain guli batu, mereka membuat tiga buah lubang di atas tanah. Guli batu yang dilontar atau dijentik mesti masuk ke lubang. Sesiapa yang kalah dalam permainan ini terpaksa menahan perit dan sakit di belakang tangan kerana diketuk dengan guli batu tadi.

Selain bermain guli, mereka juga bermain layang-layang yang dibuat sendiri. Layang-layang dibuat dengan menggunakan kertas minyak berwarna putih dan gam daripada tepung ubi. Talinya pula benang kasar yang dikenali sebagai gedung. Rangka layang-layang diraut daripada buluh.

Zakaria dan rakan-rakannya juga pandai membuat gasing. Mereka menggunakan dahan jambu batu, halban atau limau. Pendapatan keluarga yang hanya mencukupi untuk keperluan seharian, menyebabkan mereka tidak dapat menikmati permainan yang dibeli di kedai. Namun, keadaan itu telah merangsang daya cipta mereka.


Permainan di kampung ketika itu bagi Zakaria cukup banyak dan tidak memerlukan perbelanjaan yang mahal. Apa-apa sahaja boleh dibuat alat atau bahan untuk bermain. Antaranya upih pinang dan rim basikal.

Ketika mandi di sungai pula, mereka berlagak seperti tarzan dengan bergayut di akar pokok jejawi dan terjun ke sungai. Di tebing sungai juga mereka boleh bermain perang-perang dengan menyediakan buluh cina sebagai senapang atau alat penembak. Buah bernaam dijadikan peluru. Selain itu mereka berbalas baling buah kepongpong atau selut.

Lazimnya mereka bermain mengikut musim. Jikalau musim panas dan berangin mereka bermain layang-layang, gasing, bola sepak, sepak raga bulat dan rondas. Jika hari hujan, mereka tidak melepaskan peluang mandi air hujan sambil bermain kejar-kejar.



Ketika musim panas dan berangin, Zakaria dan rakan-rakan akan bermain layang-layang



***Sungai Kampung Jaha. Di sungai inilah suatu masa dahulu Zakaria seronok memancing dan mandi sungai bersama-sama rakannya.***

Suatu ketika permainan rondas amat diminati. Ketika itu, peluru rondas ialah kayu sepanjang 2-3 inci yang dipipihkan di kiri dan kanannya. Ia diletakkan berhampiran lubang dan dipukul. Kemudiannya barulah ada permainan rondas yang menggunakan bola getah.

Ketika berusia lebih kurang 10 tahun, satu peristiwa yang tidak dapat dilupakan berlaku pada Zakaria. Ketika itu bulan puasa. Semasa seronok bermain kejar-mengejar pada suatu malam, Zakaria tersalah langkah hingga terjatuh ke dalam perigi buta.

Dia menggigil ketakutan kerana keadaan di dalam perigi amat gelap dan kotor. Tetapi Zakaria tidak menangis. Rakan-rakannya cepat memberi pertolongan. Setelah dia dapat ditarik keluar, badannya terlalu kotor dengan lumpur.

Kejadian itu tidak diberitahu kepada ibunya. Dan malam itu, Zakaria tidur awal dengan seluruh tubuhnya terasa sakit. Semenjak hari itu Zakaria serik untuk bermain kejar-mengejar dan sentiasa berhati-hati kerana tidak mahu kejadian itu berulang lagi.

Selain bermain di kampung, Zakaria dan rakan-rakannya juga ada kalanya masuk ke hutan melastik burung. Dia amat gemar melastik burung kelicap dan merbah. Selalunya apabila berjaya melastik burung-burung tersebut, dia akan menyembelihnya. Daging burung itu dibakar atau dipanggang dan dimakan bersama-sama rakannya. Bagi Zakaria, melastik burung bukanlah satu penganiayaan kepada binatang. Memang menjadi kebiasaan kanak-kanak lelaki pada masa itu melastik burung sebagai kegiatan masa lapang.

## Mendengar siaran radio

Kanak-kanak di kampung pada masa itu banyak menghabiskan masa di luar rumah kerana hiburan di rumah amat kurang. Televisyen belum ada. Hanya seorang dua jirannya sahaja yang mampu membeli radio. Jikalau ada masa terluang, Zakaria bersama-sama abangnya akan meminta izin orang tuanya untuk mendengar radio jiran.

Siaran radio yang menjadi kegemaran Zakaria ketika itu ialah pentas bangsawan atau segmen drama radio yang lain. Jah Lelawati adalah antara pelakon drama radio yang amat diminati oleh Zakaria. Mendengar drama radio, sesekali Zakaria terfikir untuk menjadi penulis apabila dewasa nanti. Namun hasrat ini tidak pernah disuarakan kepada sesiapa pun, takut ditertawakan orang.



## BAB 2

### ALAM PERSEKOLAHAN

#### Memasuki sekolah rendah



Bekas Sekolah Melayu Matang Gelugor, Taiping, tempat Zakaria mula bersekolah. Atapnya telah diganti baru, dulu beratap genting. Sekarang dijadikan Tadika Kemas.

Zakaria memasuki alam persekolahan sebaik sahaja usianya genap tujuh tahun. Pada masa dahulu, untuk masuk sekolah tidak mengira usia. Ada yang masuk sekolah ketika usia lapan tahun, sembilan tahun atau sepuluh tahun. Hal itu bergantung kepada kemampuan dan kesedaran keluarga.

Memandangkan kehidupan mereka yang serba kekurangan, persediaannya ke sekolah amat sederhana, namun dia tetap bersemangat untuk masuk sekolah. Pada peringkat awal persekolahannya, Zakaria tidak memakai pakaian seragam. Dia mengenakan baju Melayu dan pakaian hariannya untuk ke sekolah. Pada ketika itu memakai pakaian seragam tidak diwajibkan. Kasut juga boleh dipakai sesuka hati. Apa-apa jenis kasut dibolehkan.

Segala keperluan asas sekolah seperti papan batu dan kalam batu disediakan oleh orang tuanya. Pemasamnya pula adalah daripada sejenis buah hutan. Zakaria mencarinya sendiri di hutan berdekatan rumahnya.

Zakaria amat memahami kedudukan kewangan keluarga. Dia tidak berasa terkilan dan merungut apabila ibu bapanya sentiasa menasihatkannya agar berjimat cermat. Walaupun harga barang-barang tidak semahal zaman sekarang tetapi nilainya dianggap tinggi pada ketika itu. Misalnya, sepasang kasut berharga dua atau tiga ringgit sahaja namun mereka tidak mampu membelinya.

Seingat Zakaria, dia tidak lama menggunakan papan batu dan kalam batu kerana telah digantikan dengan buku tulis dan pensel. Pensel digunakannya sehingga pendek dan kemudian disambung dengan buluh kecil untuk menjimatkan belanja.

Zakaria mempunyai ramai kenalan di sekolah. Antara yang masih diingatinya termasuklah Rahman, Talib, Abu Kassim, Sulaiman, Mahmod, Omar, Zainal dan Taib. Mereka berjalan kaki bersama-sama dari Kampung Jaha ke sekolah yang terletak di Kampung Matang Gelugor.

Pada waktu rehat mereka selalunya berkongsi dan bertukar-tukar bekalan makanan. Jarang sekali anak kampung seperti Zakaria membawa

Kesusahan hidup keluarganya menyedarkan Zakaria agar sentiasa berjimat cermat. Atas inisiatif sendiri dan tidak mahu menyusahkan ibu bapanya, Zakaria mencari duit poket sendiri dengan menjual kayu api dan menjaja kulh.



duit belanja ke sekolah. Seseekali apabila bapanya mempunyai lebih wang, Zakaria dan abang-abangnya diberi belanja sekolah sepuluh sen seorang.

Sebelum ke sekolah, ibunya memastikan semua anaknya mengambil sarapan secukupnya. Mereka juga diberi bekal makanan seperti lepat, lempeng kelapa, cucur kodok, cucur bawang, cucur kelapa, kuih dadar atau kuih ketayap untuk dimakan pada waktu rehat. Kadang-kadang Zakaria membawa bekal ubi keledek atau ubi kayu rebus ke sekolah.

Sekolah Melayu Matang Gelugor agak jauh dari rumahnya. Selepas sembahyang subuh dan bersarapan, Zakaria bersama-sama abang dan rakan-rakannya akan memulakan perjalanan ke sekolah. Walaupun sampai di sekolah dalam keadaan penat dan berpeluh, mereka tidak pernah merungut.

Pulang dari sekolah pula, Zakaria dan rakan-rakannya terpaksa berhenti rehat berulang kali. Mereka juga gemar mengutip buah berangan ketika dalam perjalanan pulang itu.

## **Belajar mengaji al-Quran**

Memasuki alam persekolahan bererti jadual kehidupan seharian Zakaria turut berubah. Dia tidak lagi bebas untuk bermain seperti sebelumnya. Dia juga dihantar mengaji al-Quran. Jikalau pergi mengaji di rumah guru, seseekali dia diintai oleh bapanya. Ini menjadikan Zakaria lebih berhati-hati dan tidak terlalu nakal.

Pada masa dahulu, masyarakat kampung menghantar anak-anak mengaji tanpa sebarang bayaran. Ketika menyerahkan anak mereka untuk diajar mengaji, ibu bapa memberi izin kepada guru berkenaan supaya merotan anak-anak yang lambat dan tidak lancar mengaji atau sering

bermain. Pada hari permulaan mengaji, mereka membawa pulut kuning ke rumah guru mengaji.

Mereka pergi mengaji pada sebelah malam. Selalunya selepas sembahyang maghrib, Zakaria sudah bersiap-siap untuk pergi mengaji. Pada ketika itu belum ada bekalan elektrik. Mereka menggunakan lampu minyak tanah atau jamung yang diperbuat daripada daun kelapa kering sebagai penyuluh jalan.

Sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada guru mengaji, Zakaria dan rakan-rakan yang lain akan menyumbang tenaga kepada keluarga gurunya itu. Selalunya Zakaria menolong memotong kayu api. Kemudian mereka mengangkutnya naik ke rumah dan disusun di dapur. Sese kali dia membantu mengangkut air perigi untuk memenuhkan tempayan guru mengajinya. Selain itu tempayan yang disediakan untuk membasuh kaki di tangga rumah turut dipenuhkan. Budak perempuan pula menolong menyapu sampah di halaman rumah atau di dalam rumah.



Sekolah Melayu Matang, kini dijadikan Kompleks Sejarah Kota Ngah Ibrahim.



Zakaria Salleh di awal remaja.

Semua itu disempurnakan tanpa merungut. Sungguhpun masih kecil, Zakaria faham akan cara dan tradisi kehidupan di kampung. Dia akan melakukannya secara bergotong-royong dengan rakan-rakan yang lain. Malangnya Zakaria tidak ingat nama guru mengajinya itu. Guru mengaji yang diingatnya hanyalah Abdul Hamid Awang iaitu abang iparnya sendiri.

## Keseronokan di sekolah

Alam persekolahan selalunya dianggap detik paling manis dalam hidup seseorang. Begitu juga dengan Zakaria. Dia sentiasa mengingati detik manis ketika belajar di sekolah rendah. Kenakalannya bersama-sama rakan ada waktunya membuat guru hilang sabar.

Pada suatu ketika, Zakaria terlupa pesanan gurunya agar menghafal sifir dan ejaan beberapa perkataan. Pada ketika itu, sifir disebut kali-kali. Oleh sebab terlalu penat berjalan kaki pulang ke rumah pada waktu tengah hari yang terik, dia tertidur awal selepas mengaji. Apabila sampai di sekolah pada hari esoknya, dia baru teringat pesanan guru agar melancarkan sifir dan ejaan Bahasa Melayu. Dalam keadaan ketakutan lebih-lebih lagi apabila guru menyergahnya dengan suara yang garang, Zakaria menjadi teragak-agagap. Sebagai denda tidak lancar bacaan sifir dan tidak pandai mengeja, Zakaria didenda berdiri di atas bangku.

Ada kalanya mereka yang didenda akan pulang lewat daripada rakan yang lain. Semenjak itu Zakaria lebih mengutamakan pesanan gurunya. Sekali didenda berdiri di atas bangku, Zakaria berusaha melancarkan sifirnya atau ejaannya. Walaubagaimana letih, pulang dari sekolah, segala kerja sekolah yang diberi guru akan diselesaikannya dengan sempurna.



*Suatu ketika dahulu, Zakaria pernah didenda berdiri di atas bangku gara-gara tidak lancar menghafal sifir. Berkat ketekunannya menimba ilmu, Zakaria Salleh berjaya dalam kerjayanya.*

Dalam usahanya itu, ada kalanya dia gagal menjawab soalan yang diajukan guru. Dia juga didenda lagi. Kali ini dendanya membersihkan kawasan sekolah. Setiap pagi sebelum masuk sekolah, pelajar yang didenda dikehendaki mengutip sampah di sekeliling kawasan sekolah. Pada masa itu tiada tukang kebun sekolah yang membersihkan kawasan sekolah.

Di dalam kelas pula setiap murid dikehendaki membersihkan papan hitam secara bergilir-gilir. Mereka menerima arahan guru dengan senang hati tanpa bantahan. Bagi mereka tugas atau denda guru membuat mereka lebih tekun untuk belajar.



Masa terluang tidak disia-siakan Zakaria. Dia rajin menimba ilmu pengetahuan

## Meminati pelajaran Bahasa Melayu

Di sekolah, Zakaria meminati pelajaran Bahasa Melayu. Segala soalan dan kerja rumah yang diberikan oleh guru Bahasa Melayu tidak pernah diabaikan. Zakaria akan berusaha menyiapkannya sebaik mungkin.

Minat membaca buku di sekolah membantunya menguasai pelajaran Bahasa Melayu dengan baik. Pada masa itu, belum ada perpustakaan di sekolah-sekolah. Buku bacaan harian di sekolah disimpan oleh guru di dalam almari bersama-sama peralatan lain. Buku bacaan yang sedikit itu terpaksa dikongsi membacanya kerana Kementerian Pendidikan tidak dapat membekalkan buku kepada setiap murid.

Kemampuan Zakaria menulis karangan dengan baik terserlah apabila dia memenangi hadiah utama peraduan menulis karangan peringkat sekolah. Kejayaan itu diraih ketika dia dalam darjah enam. Kejayaan itu membakar semangat Zakaria untuk menghasilkan karya lebih baik lagi. Hadiah yang diperolehinya ialah sebuah kamus. Pujian guru dan hadiah yang diperoleh membuat Zakaria yakin dia mampu menjadi penulis yang baik jika rajin berusaha.

Cita-cita Zakaria pada masa itu bukanlah untuk menjadi penulis besar tetapi sekadar mengimpikan jawatan guru Bahasa Melayu. Dia yakin, berbekalkan minat yang mendalam dalam pelajaran Bahasa Melayu, dia mampu menjadi guru yang baik.

Semenjak dia memenangi peraduan menulis karangan, namanya menjadi sebutan di kalangan pelajar. Zakaria dapat merasakan setiap langkahnya diperhati oleh rakan mahupun oleh pelajar yang tidak dikenalnya. Agak lucu apabila dia mulai diusik-usik dengan beberapa rakan perempuan di sekolah. Ada kalanya, Zakaria naik darah kepada mereka yang mengusiknya.



*Zakaria pernah bercita-cita untuk menjadi guru Bahasa Melayu.*

*"Walaupun hidup susah dan terpaksa mencari duit poket sendiri, saya tidak pernah merungut, malah semakin cekal dan tabah untuk meneruskan hidup"*  
- Zakaria Salleh

## Mencari wang saku

Ketika Zakaria berada dalam darjah empat lagi, dia sudah pandai berniaga bagi mencari wang saku. Dia menjual kuih di sekolah. Kuih itu dibuat oleh Mak Ton. Di sekolah pada waktu itu tidak ada kantin. Biasanya, kuih yang dijual ialah lepat dan cuur badak.

Setiap kali selepas menjual kuih, Zakaria mendapat upah sepuluh sen atau dua puluh sen. Duit itu dimasukkan dalam tabung buluh yang dibuatnya sendiri. Walaupun upah yang diterima tidak banyak namun dia tetap berjimat. Kadang-kadang, kuih yang masih berbaki diberi oleh Mak Ton kepada Zakaria. Hanya pada hari hujan atau ada kerja sekolah yang mesti diselesaikan, Zakaria tidak menjual kuih.

Selain menjual kuih, Zakaria juga mencari lokan di sungai. Atau mencari kayu api di hutan. Lokan dan kayu api yang diperolehnya dijual. Sesekali dia mengambil upah mengangkut buluh dan nibung. Hasil jualan dan upah tersebut disimpan di dalam tabung. Dia hanya berbelanja apabila mendapat keizinan daripada ibunya.

Zakaria juga teringat, pada usia awal remaja, dia teringin membeli kasut kulit. Kasut kulit yang diidam-idamkan itu dijual dengan harga RM9.00. Kasut itu baginya sangat cantik dan pasti bergaya apabila memakainya pada hari raya.

Namun bapa Zakaria tidak mampu untuk membeli kasut itu. Zakaria tidak berkecil hati. Dia menyedari tanggungan bapanya agak berat. Ini menguatkan semangatnya untuk mencari duit belanja sendiri. Sedikit demi sedikit dia menabung wang hasil daripada mengambil upah menjual kuih dan kayu api. Genap sebulan, Zakaria mampu membeli kasut kulit yang dikehendakinya. Mengenang pengalaman-pengalaman tersebut, Zakaria bersyukur kerana

dia dididik oleh ibunya dengan sifat berjimat cermat dan berbelanja secara bijaksana.

## Mempunyai basikal

Pada usia 11 tahun, setelah bertahun-tahun berjalan kaki ke sekolah, akhirnya Zakaria dapat pergi ke sekolah dengan menunggang basikal. Itu pun secara bergilir-gilir dengan abang-abangnya. Walaupun terpaksa berkongsi sebuah basikal dengan adik-beradik yang lain, Zakaria tidak merungut. Malah mereka menjaga basikal yang dibeli oleh bapa mereka dengan cermat.

Basikal itu sebenarnya dibeli oleh bapanya daripada Pak Hassan, bapa pelakon veteran Ibrahim Hassan (Ibrahim Pendek), kerana Ibrahim tidak mahu menggunakannya lagi. Ibrahim Pendek sekampung dengan Zakaria. Keluarga Ibrahim kemudiannya berpindah ke Simpang Empat, Taiping.

## Menyambut bulan puasa

Pada masa dahulu, pelajar-pelajar akan bercuti panjang pada bulan puasa. Seperti pelajar lain, Zakaria sentiasa ternanti-nanti musim cuti sekolah. Walaupun pada sebelah siang, kurang kegiatan dilakukan, kemeriahan bulan puasa amat dirasakan. Masing-masing sibuk membantu ibu menyediakan keperluan untuk memasak.

Pada bulan puasa, Che Mah akan memasak makanan yang lebih istimewa. Selain nasi dan lauk-pauk, kuih atau bubur dibuat juga sekali-sekala.

Suasana bulan puasa pada masa dahulu lebih meriah walaupun tiada gerai-gerai menjual makanan seperti sekarang. Di kampung Zakaria ketika itu, setiap petang pada bulan puasa, ada orang berjaja air batu ketul. Orang itu menjaja di



Ibu kesayangan Zakaria,  
Che Mah.



sekeliling kampung. Air batu ketul dibawa dengan menggunakan tong kayu yang berisi serbuk papan. Air batu itu disaluti dengan serbuk papan untuk mengelakkan air batu cepat cair. Seketul air batu berharga lima sen atau sepuluh sen.

Bagi memastikan ibu memasak hidangan yang diingini, anak-anak ringan tulang membantu membuat sebarang kerja rumah. Zakaria tidak terkecuali. Dia menolong ibunya mencari kayu api atau mengangkut air dari perigi. Jikalau teringin memakan lepat ubi, dia bersama-sama abangnya akan mencabut ubi kayu yang mereka tanam sendiri.

Kesukaran mendapatkan bahan untuk memasak tidak pernah timbul. Zakaria percaya kata-kata bapanya, "jikalau rajin berbudi kepada tanah pasti dapat dirasai hasilnya". Selalunya Zakaria dan keluarga dapat menikmati kuih-muih yang dibuat daripada hasil tanaman di sekeliling rumah.

*Pada bulan puasa, Zakaria dan rakan-rakannya akan tidur di masjid kampung mereka. Bagaikan menjadi tradisi di kampung tersebut, kanak-kanak bersama-sama beberapa orang dewasa akan bermalam di masjid.*



Masjid Kampung Jaha, Sungai Mati, Matang, Taiping.

Menjelang berbuka puasa, Zakaria dan abangnya sibuk menghantar juadah yang dimasak Che Mah kepada jiran tetangga. Pada waktu itu, menjadi kelaziman menghantar juadah berbuka puasa ke rumah jiran. Selalunya bila pulang ke rumah mereka tidak pernah berlenggang. Sepiring kuih atau semangkuk pengat pasti dibawa balik sebagai balasan.

Bagi Zakaria, kemuncak keseronokan bulan puasa ketika di kampung ialah menjelang malam tujuh likur. Selalunya pada minggu terakhir bulan puasa.

Pada malam-malam tersebut mereka akan memasang lampu panjut. Lampu panjut diperbuat daripada tempurung kelapa. Tempurung kelapa itu ditebuk dan dimasukkan ke dalam kayu dengan disusun rapi kepada kayu yang dipacak di tanah. Lampu panjut itu dapat menerangi suasana malam gelap di kampung.

Terdapat juga lampu minyak tanah yang diperbuat daripada buluh. Buluh tersebut ditebuk dan dipasangkan sumbunya yang diperbuat daripada tali guni. Lampu minyak tanah biasanya dipasang di sekeliling halaman rumah. Lampu-lampu ini lebih memeriahkan lagi suasana malam tujuh likur terutama sekali ketika malam raya.

## Menyambut Hari Raya

Menjelang hari raya ibu Zakaria akan lebih gigih mencari wang. Mereka memerlukan perbelanjaan yang lebih berbanding hari-hari biasa. Wang tersebut akan diagih-agihkan untuk membeli kain serta bahan membuat kuih seperti tepung dan gula. Biasanya ibu Zakaria menggunakan telur daripada ayam peliharaan mereka sendiri.

Bagi menjimatkan perbelanjaan, Che Mah akan memilih kain yang sederhana harganya. Kain-kain ini biasanya dibawa oleh penjaja ke





*Kegembiraan menyambut Hari Raya di zaman kanak-kanak masih di ingatan Zakaria, walaupun kini dia menyambutnya bersama isteri dan anak-anaknya.*

kampung mereka. Che Mah akan menjahit sendiri baju kurungnya dan baju anak-anak perempuannya, Aishah dan Rafeah. Begitu juga dengan baju Melayu suami dan anak-anak lelaki. Namun begitu, baju raya mereka tidaklah berganti setiap tahun.

Pada masa dahulu peluang menikmati gulai ayam hanya diperolehi setahun sekali. Biasanya pada hari raya sahaja. Untuk menangkap ayam tersebut, Zakaria dan abang-abangnya akan menabur padi atau mengejar ayam-ayam yang sukar ditangkap itu. Ayam yang sudah siap diproses belum ada dijual ketika itu.

Selari sebelum hari raya, kebiasaan di kampung Zakaria, mereka bergotong-royong memasak lemang. Buluh lemang diperolehi dari hutan berhampiran. Che Mah memang pandai membuat lemang. Zakaria dan abang-abangnya akan membantu mencari kayu api dan sama-sama menjaga api semasa lemang dibakar. Berbuka puasa dengan lemang yang baru dimasak berlaukkan rendang ayam memang tak terkata akan enak dan nikmatnya.

Sebaik sahaja anak bulan Syawal kelihatan, pengumuman hari raya disampaikan di masjid. Biasanya oleh Jabatan Penerangan melalui ketua kampung atau oleh orang yang mempunyai radio. Setelah mendengar pengumuman itu, Zakaria dan rakan-rakannya akan segera mencapai keruntung. Alat yang berupa kayu yang ditebuk itu akan dipalu keliling kampung sambil mereka berteriak, "Esok hari raya, esok hari raya!"

Lazimnya pada hari raya, Zakaria bersama-sama rakannya akan keluar ke bandar Taiping. Mereka pergi menonton wayang, melihat sirkas, ke taman hiburan atau makan-makan di gerai.

Rojak dan mi mamak menjadi kegemaran Zakaria. Pada waktu itu, harga sepiring rojak atau mi sekitar 30 sen hingga 70 sen sahaja. Tiket

wayang pada ketika itu pula, amat murah. Harganya 25 sen untuk kelas tiga, 50 sen dan 70 sen untuk kelas dua dan RM1.20 untuk kelas pertama. Bagi yang ingin menempah tempat duduk khas, harganya pula RM2.30. Jikalau menonton sebelah pagi khasnya hari Sabtu dan Ahad, harga tiketnya lebih murah. Tayangan pagi ini dikenal sebagai *cheep mitene*.

Pada waktu itu, peluang menonton filem Melayu di panggung hanya setahun sekali sahaja iaitu pada Hari Raya. Pada masa yang lain, Unit Jabatan Penerangan atau Filem Negara akan datang ke kampung-kampung untuk tayangan percuma. Kain putih direntang di tengah padang dan filem ditayang melalui projektor yang diletak di dalam van. Penduduk kampung akan datang beramai-ramai dengan membawa tikar. Mereka duduk berkumpul untuk menonton wayang. Ada kalanya ketika sedang asyik menonton, tayangan dihentikan seketika. Pada waktu ini pegawai yang mewakili Jabatan Penerangan akan menghebahkan sebarang kempen pihak kerajaan.

## Bermain meriam buluh

Tidak sempurna hari raya bagi Zakaria dan rakan-rakannya jikalau tidak bermain meriam buluh. Mereka menggunakan karbait sebagai bahan api. Selain buluh, mereka juga menggunakan batang nibung atau batang paip. Ada juga yang mengorek lubang sahaja di atas tanah. Semasa mencucuh api untuk meletupkan meriam itu, mereka menggunakan kayu pencucuh yang panjang. Mereka tahu amat bahaya kalau menggunakan pencucuh yang pendek.

Bagi memeriahkan suasana, Zakaria bersama-sama abang dan rakan-rakannya bermain meriam buluh sambil bertanding bunyi. Meriam buluh yang paling kuat bunyinya dianggap paling hebat.

---

Kadang-kadang mereka bermain meriam buluh sambil bertanding dengan jiran tetangga atau rakan di kampung seberang. Mereka bersorak gembira apabila mendengar dentuman meriam buluh itu. Sepanjang ingatan Zakaria, tidak pernah sekali pun dia mendengar kanak-kanak kampung tercedera ketika bermain meriam buluh.



Pekan Taiping



Taman Tasik Taiping



Panggung wayang di Pekan Taiping

## BAB 3

# MEMASUKI ALAM PEKERJAAN

Minat membaca novel



Zakaria (berdiri nombor dua dari kanan barisan tengah) bersama-sama guru dan murid Sekolah Melayu Jalan Kota, Taiping (1960-an).

Apabila memasuki sekolah menengah, Zakaria terpaksa berulang-alik dari kampungnya ke bandar Taiping. Dia sempat bersekolah di Sekolah Melayu Jalan Kota, Taiping dan Sekolah Menengah King Edward VII, Taiping. Ketika ke sekolah menengah dan kelas malam, dia selalunya berbasikal bersama-sama rakan yang lain.

Minat yang mendalam terhadap pelajaran Bahasa Melayu tidak pernah padam. Memasuki sekolah menengah memberi peluang kepada Zakaria untuk meluaskan lagi pembacaannya. Masa santai atau terluang tidak disia-siakan. Zakaria pasti menuju ke perpustakaan untuk memilih buku terbaru sebagai bahan bacaannya.

Pengarang novel Melayu tersohor seperti Hamka dan Ishak Haji Muhammad antara penulis yang amat diminati Zakaria. Dia kagum dengan karya pengarang tersebut. Antara novel Hamka yang dibaca Zakaria ialah *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan *Tenggelannya Kapal Van der Wich*. Karya Ishak yang diminatinya pula ialah *Anak Mat Lela Gula* dan *Putera Gunung Tahan*.

Zakaria amat menggemari gaya penulisan dan tema yang dikemukakan penulis berkenaan. Mesej cerita yang disampaikan begitu berkesan di hatinya. Selain itu gaya bahasa yang indah dan bersahaja membuatkan novel-novel itu dibacanya tanpa jemu walaupun berulang kali.

*Zakaria sentiasa memenuhi masa terluangnya dengan aktiviti membaca. Secara tidak langsung sikap ini memupuk minat Zakaria menceburi bidang penulisan kreatif.*



Kegemarannya membaca novel-novel Melayu membantu Zakaria menguasai pelajaran Bahasa Melayu dengan lebih baik. Masa terluangnya sentiasa dipenuhi dengan membaca novel-novel terbaru yang ada di perpustakaan. Baki perbelanjaan hariannya juga kadangkala dikumpul berdikit-dikit untuk membeli bahan bacaan.

Kecenderungan membaca ini secara tidak disedari telah memupuk minat Zakaria kepada beberapa kegiatan lain di sekolah. Zakaria sering terpilih menganggotai pasukan debat sekolahnya. Pada peringkat awal, dia agak ragu-ragu kerana tidak yakin dengan kemampuan dirinya.

Namun, guru Bahasa Melayunya sentiasa memberikan tunjuk ajar dan kata-kata perangsang. Gurunya memberi jaminan bahawa pelajar yang mewakili pasukan debat sekolah ialah pelajar yang menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

Keyakinan ini turut mendorong dirinya berjinak-jinak dalam kegiatan lakonan pentas sekolah. Zakaria dapat merasakan kebolehannya semakin berkembang apabila memasuki alam sekolah menengah ini. Selain itu, Zakaria juga cergas di padang. Dia pernah mewakili sekolahnya dalam perlawanan bola sepak ke peringkat daerah.

## Melangkah ke alam pekerjaan

Tamat persekolahan, Zakaria mula gelisah untuk mencari pekerjaan. Sebagai anak lelaki yang sudah kematian bapa, Zakaria dapat merasakan beban tanggungan yang dipikul oleh ibunya. Dia amat kasihan dan rasa bertanggungjawab apabila melihat ibunya bertungkus-lumus bekerja demi menyara keluarga.





*Zakaria (paling kiri) bersama-sama rakan setugas. Sebagai anak lelaki, Zakaria merasakan tanggungjawab menyara keluarga terletak di bahunya selepas kematian bapanya.*

Zakaria berasa sudah sampai gilirannya membalas segala pengorbanan ibunya. Dia ingin menyumbangkan wang hasil titik peluhnya sendiri kepada ibunya. Zakaria berasa tidak sabar untuk bekerja. Pada peringkat awal, dia menulis surat memohon pekerjaan dan dihantar ke merata tempat.

Dia amat bernasib baik kerana sebuah syarikat penerbitan sudi mengambilnya bekerja. Majikannya itu yakin dengan kemahiran dan penguasaan Zakaria yang cemerlang dalam bahasa Melayu. Zakaria ditawarkan jawatan pemberita untuk syarikat tersebut.

Walaupun hanya syarikat kecil dan gaji tidak begitu lumayan, Zakaria amat berbesar hati kerana hajatnya untuk membantu keluarga terkabul. Sayang, ibunya tidak membenarkan dia berhijrah ke Ipoh. Tidak lama selepas itu, dia berhijrah ke Kuala Lumpur bersama-sama beberapa orang kawan dengan restu ibunya.

Dorongan yang kuat untuk melihat bandar besar seperti Kuala Lumpur menjadikan Zakaria begitu berani menempuh kehidupan tanpa ditemani keluarga di sana. Melalui cerita dan khabar yang disampaikan oleh teman-teman sekampung yang sudah menjejaki Kuala Lumpur,

Zakaria menjadi tidak sabar melalui sendiri pengalaman berdikari di bandar besar.

Zakaria tidak dapat melupakan pekerjaan pertama yang disandang ketika di Kuala Lumpur. Dia memohon sebarang jawatan di Studio Merdeka, Hulu Kelang. Dia beruntung kerana dipanggil untuk temu duga di studio perfileman itu.

Pengalaman sebagai tukang kayu di kampung mendorong Zakaria mengisi kekosongan jawatan sebagai tukang kayu di studio. Namun, amat mengejutkan apabila dia ditawarkan sebagai pelakon tambahan. Zakaria pergi ke studio itu bersama-sama Talib Kassim, teman sekolahnya di kampung. Talib Kassim bekerja sebagai seorang porter di Stesen Kereta Api Kuang.

Pengalaman menaiki teksi untuk menghadiri temu duga juga merupakan kenangan yang tidak mungkin dilupakan oleh Zakaria. Dia dan Talib Kassim terkejut besar apabila pemandu teksi mengenakan tambang hampir RM30.00. Zakaria tidak menyangka teksi yang diminta menunggu, mengenakan kadar tambang yang lebih.

Namun, dia berasa lega apabila temu duga yang dihadiri membuahkan hasil. Peluang keemasan itu diterima dengan senang hati.

Zakaria sempat berlakon dalam filem Melayu hitam putih antaranya ialah *Tun Tjiah*. Dia juga berkesempatan berlakon di samping Abdullah Chik, Salmah Ahmad dan A. R. Tompel. Tetapi pendapatan yang terlalu kecil dan tidak menentu iaitu sekitar RM3.00 hingga RM5.00 berserta nasi bungkus tidak mencukupi. Ini menyebabkan Zakaria tidak bertahan lama. Dia sedar tujuan asalnya bekerja adalah untuk membantu ibu di kampung. Zakaria bertekad mencari pekerjaan lain. Pada masa itu, untuk mendapat pekerjaan biasa di kilang pun begitu susah. Zakaria dan beberapa orang kawannya menjelajah dari sebuah



Zakaria Salleh pernah menjadi pelakon tambahan dalam filem melayu *Tun Tjiah*. Oleh kerana bayaran yang diterima tidak setimpal, Zakaria mencari pekerjaan lain.

kilang ke sebuah kilang memohon sebarang pekerjaan. Mereka pergi di sekitar Lembah Kelang iaitu di kawasan Setapak dan Petaling Jaya. Tetapi mereka berasa hampa kerana jawapan yang diberikan "tiada kerja kosong". Malah kadang-kadang tidak dapat berjumpa pegawai kilang pun, pengawal yang bertugas di pintu masuk sahaja yang memberikan jawapan. Pada ketika itu, pengawal keselamatan kebanyakannya kaum Benggali. Ada juga kilang yang meletakkan notis tiada jawatan kosong di depan pintu pagar.

Akhirnya, Zakaria berjaya mendapatkan pekerjaan di sebuah kilang papan lapis. Dia sempat bekerja di kilang papan lapis di Setapak dan di Jalan Kelang Lama. Setiap bulan dia tidak pernah lupa untuk mengiriskan sebahagian daripada gajinya kepada ibu di kampung.

Berkat kegigihan dan doa daripada ibunya yang sentiasa mengharapkan kesejahteraan si anak, Zakaria dimurahkan rezeki. Dia kemudiannya ditawarkan kerja sebagai kaki tangan kerajaan di Jabatan Telekom, Jalan Tandang, Petaling Jaya, Selangor. Dia bekerja untuk tempoh yang agak lama sebelum mengambil keputusan mencari pekerjaan yang lebih mencabar.



*Zakaria masih mengingat kesukaran yang dihadapinya ketika mula-mula berhijrah ke Kuala Lumpur.*

## Menyertai pasukan tentera

Sebaik sahaja ternampak iklan dalam akhbar mengenai pengambilan anggota tentera yang baru, Zakaria tidak mahu melepaskan peluang. Dia yakin jika dia menceburkan diri dalam bidang ketenteraan pengalamannya akan bertambah dan banyak perkara baru bakal dipelajari.

Ketika itu, Zakaria tinggal di Kuala Lumpur, manakala temu duga pengambilan tentera diadakan di Klang. Walaupun perjalanan dengan menaiki bas agak lama dan memenatkan, Zakaria tetap pergi dengan hati yang penuh harapan.

Percubaan pertamanya ini nyata membuahkan hasil. Zakaria diterima sebagai rekrut baru. Bermulalah detik baru dalam hidup Zakaria. Kata orang "tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu". Zakaria sendiri tidak menyangka, dunia ketenteraan yang lazimnya penuh onak dan duri serta menuntut pengorbanan yang besar, banyak mencatat kenangan manis dalam hidupnya.

## Kenangan bersama pasukan tentera

Melihat pada air mukanya yang serius, tiada siapa dapat menduga Zakaria memiliki jiwa seni yang halus hingga mampu meletakkan dirinya sebagai seorang penulis tanah air. Namun, Zakaria amat mementingkan disiplin. Bagi Zakaria, disiplin tidak mungkin dapat dipisahkan dalam hidupnya. Semua ciri-ciri murni yang tertanam di dalam jiwanya adalah kesan semangat ketenteraan yang telah sebat di dalam dirinya. Disiplin mampu membentuk sahsiah mulia dan semangat juang yang tinggi serta titik permulaan mencapai kejayaan bagi seseorang.



*"Dunia ketenteraan mendidik saya agar berdisiplin dan bersemangat juang"*

*-Zakaria Salleh*

---

Zakaria amat berterima kasih kepada dunia ketenteraan yang mengajarnya nilai-nilai hidup yang amat berguna. Malah baginya pengalaman yang diperolehi sepanjang bersama dunia ketenteraan tidak mungkin diperolehi di tempat lain. Dia memahami dengan lebih mendalam erti perjuangan, pengorbanan dan keamanan setelah menyertai pasukan tentera.

Tahun 1964, tidak mungkin padam dari ingatan Zakaria. Pada tahun itulah dia menjadi keluarga tentera. Sebaik sahaja berjaya dalam temu duga, Zakaria menjalani latihan rekrut di Port Dickson, Negeri Sembilan mulai 16 Jun 1964.



Anggota tentera diwajibkan menjalani latihan rekrut sebaik sahaja diterima menganggotai angkatan tentera.

## Menjalani latihan rekrut

Selama enam bulan Zakaria belajar dan diberi pendedahan mengenai dunia ketenteraan. Pengalaman pertama kali memegang senjata api dan berkawad sentiasa segar di ingatan. Zakaria tidak terkecuali daripada dihantui perasaan bimbang dan gementar apabila memegang senjata api.

Namun berkat kesungguhannya dalam latihan, segala perasaan cemas dapat diatasi. Malah Zakaria semakin yakin dengan keberanian dan kemampuan diri sendiri apabila berada dalam tentera.

Pengalaman makan nasi kawah ketika dalam latihan tentera dan tinggal di berek bujang, antara kenangan yang sentiasa lucu apabila dikenang semula. Adat hidup di berek bujang, Zakaria harus berbaris panjang untuk mendapatkan hidangannya. Ada kalanya lauk tidak mencukupi dan kawan yang nakal memotong gilirannya.

Zakaria juga pernah diberi tugas membantu tukang masak menyiapkan masakan. Dia kena membasuh sayur, menolong menyenduk gulai atau nasi. Kemudian, dia disuruh menyusun lauk-pauk di tempat hidangan atau dewan makan. Inilah masa dan peluang untuk mendapatkan makanan yang lebih daripada biasa.

Pengalaman didenda berlari keliling padang atau berlari keliling kole juga bukanlah perkara aneh dalam tentera. Denda yang dikenakan semasa latihan atau kursus lanjutan dalam tentera adalah untuk kebaikan dan pengajaran.

Jika seorang melakukan kesalahan umpamanya langkah yang tidak betul semasa berkawad atau kesilapan memasang peralatan senjata semasa latihan persenjataan, semua anggota kumpulan akan dikenakan denda.



Zakaria (hadapan paling kanan) di Lapangan Terbang Ipoh. Bersedia untuk diterbangkan ke Tawau, Sabah, bagi menjalankan operasi.



Zakaria (duduk di tengah-tengah), bersama anggota pasukan bergambar kenang-kenangan bersama Jamal Mohamad atau Pak Cik Jamal



Zakaria (tiga dari kiri), bersama rakan-rakan seperjuangan di Batalion Kelima Hejimen Askar Melayu Diraja



Perajunt Zakaria Salleh di Pusat Latihan Rekrut Port Dickson, 1964 (berseluar pendek, berstoking panjang yang berlilit partis).





Zakaria berpakaian Istiadat Askar Melayu semasa menjalani Latihan Rekrut di Pusat Latihan Rekrut Port Dickson, 1964.

## Kegigihan bekerja

Tamat sahaja latihan. Zakaria bertugas di Batu Gajah, Perak dalam Batalion Kelima Rejimen Askar Melayu Diraja. Setelah beberapa tahun bertugas, dia terpilih menghadiri kursus yang bersesuaian dengannya. Di samping itu peluang belajar secara sambilan tidak pernah dilepaskan oleh Zakaria. Dalam kesibukan tugas harian dan kursus yang dihidungnya, Zakaria tidak pernah lupa pada mesin taipnya. Kesibukan tugas di pejabat dianggap sebagai cabaran kecil baginya untuk menulis.





Zakaria (berpangkat Staf Sarjan) bersama-sama rakan setugas.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, Zakaria telah menghadiri beberapa kursus berkaitan bidang pekerjaannya. Antaranya ialah kursus perkeranian dan kursus perakaunan. Selain itu dia juga menghadiri beberapa kursus penulisan seperti kursus kewartawanan, kursus penulisan skrip drama, kursus penulisan skrip drama radio dan televisyen, kursus perhubungan awam, kursus pegawai tadbir, dan kursus penerbitan dan filem di Filem Negara Malaysia. Semua kursus yang diikutinya ini amat bermanfaat bagi kerjayanya.

Bersesuaian dengan semangatnya yang tinggi dan sentiasa berusaha untuk maju, setelah menghadiri beberapa kursus, Zakaria bertukar ke Kementerian Pertahanan. Pada 10 Januari 1971, dia dinaikkan ke pangkat Lans Koperal.

Pada 1 Jun 1972, Zakaria dinaikkan ke pangkat Koperal. Setelah itu dinaikkan ke pangkat Sarjan pada 21 Julai 1973. Beberapa tahun kemudian, iaitu pada 1 Ogos 1975, Zakaria dinaikkan pula ke pangkat Staf Sarjan. Dengan kenaikan pangkat tersebut, Zakaria bertukar ke Pasukan Batalion ke-11 Askar Wataniah di Seremban, menjalankan tugas dalam bidang logistik.



Zakaria (ketika berpangkat Koperal) sentiasa berusaha mencari peluang meningkatkan pengalaman dan ilmu di dada. Apa sahaja kursus yang dianggapnya sesuai akan dihidirinya.

Sebagai anggota tentera, bertugas di perbatasan bukanlah sesuatu yang asing bagi Zakaria. Dia turut menjalankan operasi bersama-sama pasukannya di beberapa kawasan pedalaman sama ada di sempadan Malaysia-Thailand, Sabah dan Sarawak.

Pengalamannya mendengar dentuman bom, tembakan senjata api dan ledakan mortar pada tengah malam ketika menjalankan operasi di tengah hutan khususnya di Sabah dan Sarawak semasa konfrontasi dengan Indonesia adalah perkara biasa. Namun Zakaria bersyukur, kumpulannya tidak pernah terlibat dalam pertempuran dengan pengganas komunis.



Zakaria, ketika berpangkat Pegawai Waran 2 (PW2) bersama-sama anggota Angkatan Bersenjata Indonesia di Maktab Tentera Diraja.

Pada tahun 1977, Zakaria ditukarkan pula ke Maktab Tentera Diraja Sungai Besi. Dia membantu mengendalikan urusan logistik bagi pegawai kadet dan penuntut Putera maktab tersebut. Pada ketika itu, Kuartermasternya ialah Mejar Abdul Hamid Mohamad.

Pada Julai 1978, Zakaria sekali lagi berbangga dan bersyukur apabila dia dinaikkan ke pangkat Pegawai Waran Kelas Kedua (PW2). Kenaikan ini diperolehnya setelah dia berjaya dan tamat menghadiri kursus Kuartermaster Kompeni Sarjan Mejar (KKSM).



*"Apabila berhadapan dengan musuh, jangan sesekali berundur sebelum berjuang. Apabila berjuang, berjuanglah hingga ke titisan darah yang terakhir"*

*-Zakaria Salleh, Leftenan*

Zakaria kemudian berpeluang untuk menghadiri kursus Kuatermaster di Port Dickson, Negeri Sembilan. Sekembalinya dari kursus tersebut, dia dan anggota lain yang berjaya dalam kursus dipanggil menghadiri temu duga khas kenaikan pangkat pegawai di Kementerian Pertahanan. Hasil temu duga tersebut, Zakaria ditauliahkan sebagai pegawai dengan menyandang pangkat Leftenan pada 8 Januari 1981.

Zakaria ditukarkan berkhidmat dengan Pasukan Batalion ke-111 Askar Wataniah, di Seremban, Negeri Sembilan. Dia menjalankan tugas Kuatermaster iaitu mengendalikan urusan logistik bagi pasukan yang baru ditubuhkan itu. Oleh sebab kekurangan pegawai, dia juga ditugaskan sebagai Pegawai Tadbir (Ejutan) bagi pasukan itu sehingga pegawai yang berkenaan mengisi jawatan tersebut. Pada 8 Januari 1983, Zakaria telah dinaikkan ke pangkat Kapten. Kemudian, pada 2 Julai 1987, Zakaria dinaikkan ke pangkat Mejar.

Ketika dalam pasukan tentera, minat Zakaria dalam bidang penulisan semakin bertambah. Di sini Zakaria lebih giat berkarya dengan menulis untuk majalah *The Buglers* terbitan Maktab Tentera Diraja dan majalah terbitan Rejimen Askar Melayu serta akhbar terbitan Kementerian Pertahanan seperti *Warta Angkatan Tentera*, *Berita Tentera Darat*, *Satria*, *Pahlawan* dan *Patriot*. Zakaria juga pernah menjadi editor majalah tersebut.

Sepanjang perkhidmatannya dalam tentera, Zakaria pernah bertugas di merata tempat seperti Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang. Dia juga pernah mencurahkan bakti di beberapa unit atau cawangan. Antaranya ialah di Markas 11 Divisyen Askar Wataniah, Markas 11 Strategik,



Zakaria (berpangkat Mejar) ketika membual liputan latihan "SUMAN WARIOR" di sempadan negara - 1992.

Markas 2 Divisyen, Pulau Pinang, Departmen Tentera Darat Cawangan Perisikan dan Gerak Saraf Kementah. Zakaria bersara dari angkatan tentera dengan pangkat Mejar pada 13 Mei 1994.



Mejar Zakaria Salleh



## Anugerah Tertinggi

Jasa dan bakti Zakaria sepanjang bersama tentera sentiasa segar dan mewangi. Tidak hairan jikalau dia dianugerahi pingat kebesaran sebagai menghargai perkhidmatannya itu. Antara darjah kebesaran yang diperolehnya termasuklah Pingat Peringatan Am (PPA) dan Pingat Perkhidmatan Setia (PPS). Anugerah tertinggi yang diterimanya ialah Ahli Mangku Negara (AMN) iaitu pada tahun 1994 daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.





Zakaria kini bertugas sebagai Pegawai Bentara di Parlimen, Malaysia

## Berkhidmat di Parlimen

Tamat perkhidmatannya, Zakaria berehat beberapa bulan sebelum bekerja semula dengan Syarikat Mahmood Security (Malaysia) Sdn. Bhd., iaitu syarikat kawalan keselamatan di Kuala Lumpur. Dia ditugaskan sebagai Pengurus Cawangan Kuala Lumpur, kemudian ditukarkan ke Klang sebagai Pengurus Cawangan Klang.

Oleh sebab jiwanya inginkan ketenangan dan kedamaian setelah sekian lama berkhidmat dengan pasukan beruniform, Zakaria memohon jawatan lain. Dia bersyukur kerana berjaya menjawat jawatan sebagai Pegawai Bentara di Bangunan Parlimen.





Zakaria (paling kiri) bersama-sama rakan setugas di Parlimen



Zakaria (dua dari kanan) dan sidang Pengarang Majalah Dewan Parlimen Malaysia sedang menemubual Y.B. Tan Sri Dato' Mohamad Ya'acob



*Semasa bertugas di Parlimen Malaysia, Zakaria berpeluang menghadiri beberapa seminar di peringkat antarabangsa, antaranya "30<sup>th</sup> Regional Conference Accra" di Ghana pada bulan Ogos 1999.*

Zakaria (dua dari kanan) dan beberapa wakil rakyat di persidangan "30<sup>th</sup> Regional Conference Accra".



Zakaria (dua dari kanan) bersama-sama wakil rakyat dari Malaysia ketika menghadiri persidangan "30<sup>th</sup> Regional Conference Accra".

## BAB 4

# KEHIDUPAN BERKELUARGA

### Jodoh diatur keluarga

Zakaria masih ingat ketika penghujung tahun 1967, dia pulang ke kampungnya di Matang, Perak. Dia diperkenalkan dengan bakal tunangnya, Norayne, ketika berkunjung ke rumah Noryane yang ada hubungan kekeluargaan dengan Zakaria. Semasa Zakaria berbual dengan kaum keluarga, saudara-mara menyuruh Norayne menghidangkan minuman. Itulah detik pertama dia menatap wajah Norayne.

*Kenyuan wajah dan kesantunan pekerti Norayne berjaya memikat hati Zakaria, sehingga dia bersetuju untuk dijodohkan.*





*Zakaria diijebkabulkan pada 16 Mac 1968. Majlis kenduri dan persandingannya pula telah diadakan pada 29 Disember 1968. Pada ketika itu Zakaria berusia 26 tahun dan Norayne 16 tahun.*





Berkat usaha dan tunjuk ajar orang tuanya, Norayne dapat menyesuaikan dirinya sebagai isteri seorang tentera.

Norayne berasal dari Taiping, Perak. Dia anak kedua daripada tiga beradik. Bapanya, Abd. Majid Ahmad dan ibunya Salmiah Othman. Perkahwinan Zakaria dan Norayne diatur datuk dan nenek kedua-dua pihak. Memandangkan cucu masing-masing sudah dewasa dan Zakaria mempunyai pekerjaan tetap dalam angkatan tentera, mereka mahu perhubungan silaturrahim ini diertakkan. Jodoh yang diatur oleh kaum keluarga ini ternyata kekal rukun bahagia.

Walaupun pada mulanya Norayne yang berusia 16 tahun enggan dikahwinkan, dia tidak mampu membantah kehendak orang tuanya. Menurut Norayne, sifatnya yang masih keanak-anakan menyebabkan dia bimbang sekiranya dia tidak dapat menguruskan rumah tangga dengan baik.

Menurut Norayne lagi, persefahaman dan tolak ansur merupakan perkara utama dalam usaha mencari kerukunan rumah tangga. Dia mengakui, pada peringkat awal, dia harus belajar banyak perkara. Sebagai anggota tentera, Zakaria sentiasa bersikap tegas, mengutamakan disiplin dan ketepatan waktu.

Norayne berasa amat bertuah kerana Zakaria sentiasa memberi sokongan moral dan tunjuk ajar apabila mereka hidup berjauhan daripada keluarga. Hidup bersama-sama Zakaria mengajar Norayne agar lebih berdisiplin dan cekap dalam menguruskan rumah tangga.



Zakaria dan Norayne bersama-sama anak sulung mereka, Azli Sham.

Kesan daripada pengalaman hidup berdikari di kampung dan sentiasa mencari duit saku sendiri, Zakaria sentiasa mengingatkan isterinya agar sentiasa berhati-hati mengatur perbelanjaan rumah. Bagi Norayne, ini merupakan antara kelebihan dan keistimewaan Zakaria. Walaupun dia seorang lelaki, dia begitu teliti dan bijak mengatur belanjawan rumah. Zakaria tidak melarang Norayne berbelanja namun dia sentiasa mengingatkan isterinya agar menabung apabila mempunyai lebih wang perbelanjaan rumah. Selain membuat kerja rumah, setiap pagi Norayne membantu mengemaskan beg kerja dan fail-fail Zakaria. Dia juga menghidupkan enjin kereta suaminya dan memasukkan keperluan kerja suaminya ke dalam kenderaan.



*Azli Sham*

Hasil perkahwinan ini, mereka dikurniakan tujuh orang cahaya mata, iaitu tiga orang anak lelaki dan empat orang anak perempuan. Anak sulung bernama Azli Sham yang lahir pada 24 Ogos 1970, lulusan Institut Teknologi Mara. Azli Sham bertugas sebagai Pegawai Kewangan di sebuah syarikat swasta. Azli Sham dilahirkan di kampung mereka kerana ketika itu Norayne belum berpengalaman mengurus bayi.



*Azura Ayu*

Anak kedua mereka bernama Azura Ayu, lahir pada 8 Ogos 1973. Banyak pengalaman yang mereka perolehi sewaktu kelahiran Azura Ayu. Ini disebabkan Zakaria ingin menjaga sendiri bayi keduanya itu. Zakaria tidak pernah membezakan kasih sayang antara anak-anak, namun pengalaman Zakaria mengasuh sendiri Azura Ayu sejak masih merah merapatkan lagi hubungan dua beranak ini.



*Azean Edawati*

Tidak hairanlah jikalau siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia, pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan ini lebih berani dan terbuka apabila berkomunikasi dengan Zakaria. Biasanya Azura Ayu menjadi perantara jika keluarga

menghadapi masalah atau ada permintaan yang ingin diajukan kepada Zakaria. Permintaan Azura Ayu jarang yang tidak ditunaikannya. Kini, Azura Ayu bertugas di Lembaga Hasil Dalam Negeri, Melaka.

Anak ketiga Zakaria, Azean Edawati lahir pada 16 Januari 1975. Dia berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sosial Kemasyarakatan (Psikologi). Azean Edawati telah melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Perpustakaan dan Sains Maklumat.

Anak keempat mereka, Azliana, lahir pada 3 November 1977 dan kini sudah bekerja di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Azharuddin, anak kelima lahir pada 6 Januari 1980 juga sudah bekerja. Anak keenam, Azfar Aizat lahir pada 27 April 1986 dan yang bongsu bernama Azyan Fatin, lahir pada 28 September 1989. Kedua-duanya masih bersekolah.

Zakaria amat beruntung kerana isterinya sentiasa memberikan galakan dan sokongan moral apabila dia berkarya. Perkahwinan tidak pernah menghalang Zakaria untuk terus bergiat maju dalam dunia penulisan.

Anak-anak Zakaria walaupun tidak pernah serius berkarya pernah juga menunjukkan minat dan bakat menulis ketika di bangku sekolah. Zakaria gembira apabila anak-anaknya pernah meraih hadiah dalam peraduan menulis esei peringkat sekolah.

Kesemua anak Zakaria memahami kegiatan penulisan yang diceburinya dan tidak pernah menggangukannya ketika dia sedang menaip. Zakaria pula tidak menghalang anak-anak membaca hasil karyanya, namun dia lebih selesa jikalau mereka membacanya selepas karyanya selesai ditaip.

Zakaria sebenarnya tidak gemar menaip pada waktu siang terutama dalam keadaan yang bising.



*Azliana*



*Azharuddin*



*Azfar Aizat*



*Azyan Fatin*





*Norayne pengkritik utama Zakaria. Walaupun hanya suri rumah, Norayne mampu memberi pandangan yang bernas kepada suaminya. Namanya sering tertera di media massa sebagai pengulas kepada karya-karya Zakaria.*



Dia lebih suka menaip dalam suasana yang sunyi dan tidak diganggu oleh sesiapa pun. Namun pada hari cuti, untuk menyudahkan hasil karyanya dia menaip juga. Zakaria berasa tidak selesa-jikalau orang melihat dia menaip. Segala ilham yang hendak ditaip hilang begitu sahaja.

Menurut Norayne, pada peringkat awal perkahwinan dia berasa tidak selesa mendengar bunyi ketukan mesin taip saban malam. Walau bagaimanapun, sebelum berumah tangga dia memang mengetahui Zakaria seorang penulis. Maka dia berusaha untuk membiasakan diri dengan bunyi ketukan mesin taip. Lama-kelamaan, Norayne semakin menerima gaya hidup Zakaria. Sesekali apabila Zakaria tidak berkarya, Norayne berasa janggal pula. Lazimnya Zakaria berkarya antara pukul 1.00 pagi hingga menjelang subuh.

Norayne sendiri begitu kagum dengan kesungguhan suaminya. Zakaria tidak sedikitpun menunjukkan keletihan apabila sering berjaga hingga larut malam. Pada sebelah siangnya, Zakaria sentiasa cergas bertugas di pejabat. Dia jarang tidur pada waktu siang. Malah apabila tiada apa-apa yang hendak ditaip, Zakaria akan menghabiskan masanya dengan membuat kajian di perpustakaan.

Norayne dan anak-anak akan menjadi penyunting pertama setiap karya Zakaria. Zakaria akan meminta kritikan isteri dan anak-anaknya. Setiap buah fikiran mereka akan dibincang bersama-sama. Seandainya bersesuaian dan demi membaiki jalan cerita, Zakaria bersetuju untuk mengubah jalan ceritanya. Malah apabila berkesempatan, Norayne akan mengulas karya-karya suaminya dalam akhbar atau majalah tempatan. Idea serta pendapat Norayne sentiasa diterima baik oleh Zakaria dan menganggap teguran dan pendapat tersebut sebagai perangsang untuk berkarya.

Selain membantu suami menyemak ejaan, jalan cerita dan nama watak agar tepat, Norayne sentiasa membantu suaminya mengemaskinikan fail peribadi Zakaria. Sebagai isteri yang menyedari kesibukan Zakaria, Norayne akan menggunting dan menyimpan keratan akhbar yang mengandungi tulisan Zakaria.

Rencana-rencana mengenai kejayaan atau kehidupan peribadi bekas perajurit yang berjasa amat berguna kepada Zakaria apabila dia ingin merangka sebuah novel ketenteraan. Zakaria akan merujuk rencana atau berita yang pernah ditulis



*Zakaria amat bertuah kerana isteri dan anak-anaknya adalah pengkritik terbaik bagi dirinya. Walaupun tidak gemar diganggu oleh keluarga ketika dia sedang khusyuk menaip, Zakaria sentiasa memastikan isterinya akan membaca naskhah pertama manuskrip yang sudah sempurna.*



**Zakaria sentiasa berusaha meluangkan masanya untuk membawa anak-anaknya makan angin.**

itu bagi memastikan fakta seperti tarikh dan tempat adalah betul dan tepat.

Sungguhpun sentiasa sibuk dengan tugas dan menghadap mesin taipnya, Zakaria tidak pernah lupa membawa anak-anaknya bersiar-siar pada hujung minggu. Walaupun pada ketika itu, mereka tidak mempunyai kereta sendiri, ia tidak menghalang Zakaria berjalan-jalan di Kuala Lumpur bersama-sama keluarganya. Zakaria akan membawa mereka ke Zoo Negara, Taman Bunga atau Muzium Negara. Kini anak-anak yang telah dewasa berusaha membalas jasa Zakaria. Tetapi Zakaria menolak wang ringgit yang dihulurkan anak-anak.

Setiap kali tiba Hari Bapa, Hari Ibu, Hari Wanita atau hari lahir Zakaria dan isterinya, anak-anak pasti menyambutnya sebagai penghargaan dan tanda kasih sayang mereka kepada orang tua.

Bagi Norayne sendiri, semenjak awal perkahwinannya, dia tidak pernah lupa meraikan hari lahir Zakaria. Kek buah antara hidangan istimewa Norayne untuk suaminya. Paling istimewa, kek itu dibuat sendiri oleh Norayne. Anak-anak pula akan berkongsi wang membeli hadiah untuk bapa mereka.





Zakaria dan Norayne telah menunaikan fardhu Haji pada 27 April 1994 hingga 6 Jun 1994 (gambar sebelah). Kemudian berpeluang menunaikan umrah bersama anak-anak pada tahun 2000. (gambar bawah).



Zakaria dan Norayne kini mempunyai tiga orang cucu hasil perkahwinan Azli Sham dengan Noraiziah Mohd. Baki pada 13 Ogos 1995 di Bentung, Pahang. Cucu pertamanya ialah Mohd. Najmi Hakim, lahir pada 1 Mei 1997, yang kedua Mohd. Zarif Iskandar yang lahir pada 16 April 1999 dan yang ketiga Nur Atiqah, lahir pada 18 Ogos 2000. Walaupun sibuk dengan tugas, Zakaria sentiasa memastikan agar anak, cucu dan menantu berkumpul di rumahnya pada hujung minggu.

Majlis perkahwinan anak sulung Zakaria, Azli Sham.



Zakaria bersama-sama keluarga ketika meraikan ulang tahun ketiga cucunya yang pertama, Mohd. Najmi Hakim.

Apabila dapat bercuti agak lama Zakaria membawa keluarganya pulang ke kampung. Zakaria seronok bercerita mengenai perkembangan penulisannya kepada ibunya. Che Mah terharu dan berasa bangga dengan kejayaan Zakaria. Sebagai anak yang mengenang jasa, Zakaria tidak pernah lupa menghulurkan wang hasil titik peluhnya kepada Che Mah. Walaupun tinggal jauh di kampung, ini tidak menghalang Che Mah mengikuti perkembangan Zakaria di Kuala Lumpur. Seseekali apabila terdengar nama Zakaria disebut sebagai penulis skrip drama radio, dia tersenyum bangga.

Nama Zakaria sering disebut-sebut sebagai pemuda contoh di kampung. Bakat dan kesungguhannya bekerja sentiasa menjadi ikutan bagi jiran tetangga. Zakaria berjaya membuktikan anak kampung seperti dirinya mampu mencari tapak untuk berdiri teguh di kota besar seperti Kuala Lumpur.

Rutin hidup Zakaria berubah selepas bersara daripada tentera. Selain menghadiri kuliah dan ceramah yang diadakan di surau atau masjid, Zakaria turut menyertai kuliah agama secara akademik di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sejak tahun 1998 dalam bidang Usulluddin dan Syariah.

Kerinduan Che Mah kepada Zakaria terubat apabila mendengar suara anaknya berlakon untuk drama radio atau karyanya yang tersiar melalui radio. Jiran tetangga dan saudara-mara juga tidak pernah jemu bercerita kepada Che Mah apabila mereka terbaca karya Zakaria dalam akhbar.



Walaupun usianya kian meningkat, Zakaria terus berazam menuntut ilmu dalam pelbagai bidang, baik ilmu dunia mahupun ilmu akhirat.



Zakaria, isteri serta anak-anak ketika mengerjakan umrah pada 19 Jun–3 Julai 2000.

## BERCAMBAHNYA BAKAT PENULISAN

### Novel dan cerpen

Minat Zakaria dalam dunia penulisan sebenarnya sudah bercambah subur semenjak tahun 1960-an. Nama Zakaria Salleh bukan satu nama yang asing dalam gelanggang penulisan remaja dan kanak-kanak. Peminat sastera remaja dan kanak-kanak pasti sering menemui namanya pada novel-novel remaja yang diterbitkan oleh syarikat tempatan dan dalam majalah *Dewan Pelajar* serta *Utusan Kanak-kanak*.

Zakaria memulakan penulisan dengan bahan-bahan ringan, iaitu laporan kegiatan persekitaran tempat dia bertugas atau aktiviti-aktiviti penulis yang pernah dihidirinya. Bermula dengan karya bertulisan tangan, Zakaria kemudiannya meminjam mesin taip pejabat sewaktu di luar waktu pejabat. Setelah berjaya membeli mesin taip sendiri, dia semakin rajin dan rancang menghasilkan pelbagai karya.

Bagi Zakaria, menulis adalah satu kerjaya seni yang menuntut kesabaran, ketekunan dan kegigihan. Penguasaan bahasa, kemampuan membentuk plot serta kelancaran berkarya bukan boleh dibentuk dalam tempoh sehari dua di dalam diri. Penulisan adalah proses latihan berterusan.

Tidak menghairankan jikalau Zakaria sering menghabiskan masanya dengan membaca. Maklumat, ilmu dan pengalaman insan lain dapat



*Pada peringkat awal dalam penulisan, Zakaria turut menggunakan pelbagai nama samaran antaranya ialah Kenari Biru, Teruna Jaya, Perwira Rimba, Teruna Desa, Teruna Kelana, Perwira Jaya, Gagak Hitam dan Zamrud Suria.*



*"Penulis menjadi penyebar ilmu dan maklumat terkini kepada pembaca. Oleh itu, penulis perlu memenuhi dadanya dengan ilmu pengetahuan yang luas"*

*-Zakaria Salleh*

dikutip melalui pembacaan yang luas. Zakaria menganggap seorang penulis yang baik adalah penyampai maklumat dan penyebar ilmu kepada pembaca. Pembaca akan lebih menghargai sesebuah karya apabila karya itu mampu mencetuskan pengalaman baru, menyumbang ilmu yang segar dan berguna selain daripada keseronokan membaca. Zakaria tidak pernah mengehadkan kemampuannya berkarya dalam satu bidang sahaja. Dia dapat dianggap penulis yang prolifik kerana mampu menulis pelbagai genre sastera. Sepanjang bergiat dalam dunia penulisan, Zakaria juga sudah menghasilkan berpuluh-puluh buah cerpen, sajak dan pantun.

Dalam genre penulisan novel remaja sahaja Zakaria sudah menghasilkan hampir 25 judul. Hampir setiap karyanya menerima sambutan yang baik daripada pembaca. Justeru, penerbit tidak pernah ragu-ragu untuk menerbitkan manuskrip Zakaria. Menghasilkan novel remaja walaupun dianggap mudah oleh segelintir penulis, ia tetap mencabar.

Zakaria bijak memahami psikologi remaja untuk memastikan karyanya mempunyai daya tarikan tersendiri. Walaupun berada dalam dunia ketenteraan, tugasnya tidak menghalang Zakaria menghasilkan karya remaja secara berterusan. Dia jarang menghabiskan masa secara sia-sia. Selesai tugasnya di pejabat atau di markas tentera, Zakaria lebih senang bersendirian menyudahkan cerpen, rencana dan manuskrip novel remajanya.

Karya-karya Zakaria tersiar dalam pelbagai akhbar dan majalah. Bagi Zakaria setiap karya yang dihasilkan umpama satu penerokaan baru. Dia akan berusaha menghasilkan sebaik yang boleh. Berkat ketekunannya, Zakaria berjaya menempatkan namanya sebaris dengan penulis tanah air yang lain.



Berkat kegihannya, Zakaria berjaya menghasilkan pelbagai genre penulisan. Daripada novel kanak-kanak hinggalah novel remaja.



Antara karya yang amat bernilai yang dihasilkan Zakaria ialah biografi khas seniman agung P. Ramlee. Seniman negara, Tan Sri P. Ramlee, antara insan yang amat dikagumi oleh Zakaria. Sebagai peminat setia, Zakaria berasa bangga kerana menjadi anggota kelab P. Ramlee. Zakaria masih ingat, nombor 149 adalah nombor keahliannya dalam kelab itu. Ahli kelab pernah mengadakan majlis dan perjumpaan dengan P. Ramlee di Kuala Lumpur. Dia menyertai kelab P. Ramlee melalui majalah *Gelanggang Filem* terbitan seniman agung itu.

Biografi *Kenangan Abadi P. Ramlee A.M.N.* yang dihasilkan hanyalah secara ringkas namun padat. Sungguhpun biografi itu tidak begitu menyeluruh kerana masa yang singkat diberikan oleh penerbit, Zakaria tetap menganggap karya itu satu kenangan manis bagi dirinya.

Nama Zakaria juga sering ditemui pada buku-buku berkaitan bahasa Melayu seperti himpunan peribahasa dan simpulan bahasa. Zakaria mengambil inisiatif sendiri untuk menyelidik dan mengumpul segala khazanah tersebut. Pada pendapat Zakaria, tanpa pengumpulan yang terancang, lambat-laun peribahasa bahasa Melayu akan dilupai oleh generasi muda dan akhirnya pupus. Buku peribahasa yang dihasilkan Zakaria ialah *Simpulan Bahasa Melayu Praktik* dan *Peribahasa Melayu Praktik* yang diterbitkan oleh Berita Publishing pada tahun 1988.

Hasil penyelidikan dan usahanya, Zakaria berjaya mengumpul dan membukukan peribahasa lama.



## Skrip dan lakonan

Zakaria tidak ketinggalan mencuba bakat dalam bidang penulisan skrip drama bersiri di radio. Satu ketika dahulu, siri drama radio "Nombor Lima Persiaran Satu" serta beberapa drama radio lain amat terkenal dan diminati ramai.

Zakaria merupakan antara penulis skrip yang sering menyumbangkan karya untuk rancangan itu. Pergaulan yang luas bersama rakan-rakan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) turut membuka peluang kepada Zakaria berlakon sebagai pelakon undangan dalam drama bersiri tersebut.

Bagi drama-drama televisyen yang berkaitan ketenteraan, Zakaria sering membantu dari sudut memberikan khidmat nasihat. Beberapa siri rancangan berbentuk dokumentari di televisyen tidak terkecuali menggunakan khidmat nasihat Zakaria.

*Zakaria pernah diberi kepercayaan sebagai penasihat hal-hal ketenteraan dalam beberapa siri drama tentera.*





Zakaria juga pernah membantu beberapa orang penerbit di RTM, TV3 dan Filem Negara. Beberapa buah syarikat swasta yang mendapat keizinan menerbitkan drama ketenteraan daripada Kementerian Pertahanan juga mendapat khidmat nasihat Zakaria. Antara drama bersiri yang pernah dibantu oleh Zakaria ialah "Harimau Rimba" arahan Yusoff Haslam terbitan Skop Production Sdn. Bhd.



Disamping memberikan nasihat, Zakaria turut berlakon dalam drama "Medan Terakhir" dan "Harimau Rimba".





Selain memberikan khidmat nasihat kepada penerbitan drama ini, Zakaria turut berlakon. Pengalaman berlakon bukan sahaja memberi satu pendedahan kepada Zakaria, ia juga merangsang daya kreatif untuk menulis dengan lebih baik. Beberapa drama lain yang Zakaria turut berlakon di samping memberikan khidmat nasihat termasuklah "Darah Sastria", "Roda-roda Kotaraya", "Razulin", "Medan Terakhir", "Debu-debu Kota" dan "Di Mana Bumi Dipijak".

Bagi Zakaria, penglibatannya dalam dunia ketenteraan banyak memberinya pengalaman yang tidak mungkin diperolehi oleh masyarakat awam. Di samping itu, untuk menjadi penulis yang baik, kepekaan dan perasaan sensitif terhadap apa jua masalah yang bergolok dalam masyarakat membantunya mendapatkan ilham yang baik.

Zakaria bersama-sama pelakon dan krew penggambaran drama "Razulin".



Zakaria (kanan) bersama-sama Habibul Hj. Mursidi (tengah) dan Encik Hamdan Ibrahim di RTM Kuching, Sarawak.

## Pengelola rancangan dan juruhebah

Zakaria tidak pernah kenal erti jemu dan penat. Walaupun tugas dan tanggungjawabnya dalam tentera tidak mengizinkaninya bercuti panjang, dia tetap bijak membahagikan masa. Dia jarang mempunyai masa berehat atau bersantai. Setiap detik yang berlalu dia cuba untuk berkarya atau setidak-tidaknya melakukan beberapa kegiatan yang berfaedah.

Zakaria pernah menghadiri uji bakat dan uji suara di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM). Dia tidak begitu menaruh harapan untuk mendapat tugas sebagai juruhebah atau pengelola rancangan. Namun tanpa diduga, kedua-dua ujian itu berjaya dilaluinya. Zakaria diberi kepercayaan membantu mengendalikan rancangan perajurit bersama-sama Encik Nordin Ahmad atau nama samarannya *Nuri Angkasa*. Teman lain yang berjaya dalam uji bakat tersebut antaranya ialah Osman Razak, Harun Naimi, Habsah Abdul Rahman dan Masri Suratman.

Pada waktu itu Stesen Radio masih lagi terletak di Bangunan Persekutuan. Zakaria berkhidmat di situ hinggalah RTM berpindah ke Angkasapuri. Zakaria bersama-sama beberapa orang teman mengendalikan rancangan perajurit di radio di samping berpeluang menyumbangkan bahan sastera. Rancangan radio khas untuk anggota tentera yang diasaskan oleh mereka dahulu masih wujud hingga ke hari ini.

Semasa bertugas di Sarawak, Zakaria pernah ditawarkan untuk mengendalikan ruangan perajurit di Radio Malaysia Sarawak, Kuching bersama-sama Encik Hamdan Ibrahim, Hakibul Mursidi dan Zahari Ismail. Namun, tugas terhadap pasukannya tidak membenarkan Zakaria bergiat aktif. Ini juga ada fadilat dan hikmahnya

untuk Zakaria. Jika tidak, mungkin kejaya Zakaria tidak meningkat seperti yang didapatinya sehingga ditauliahkan ke pangkat Mejar. Walau bagaimanapun, dalam bidang penulisan dia masih memperoleh kejayaan.

Zakaria juga pernah mengendalikan rancangan radio "Wira Utara" bersama-sama RTM Pulau Pinang ketika dia bertugas di Pulau Pinang pada tahun 1992. Rancangan ini dikendalikan bersama-sama juruhebah Nordin Yahya, yang dikenali sebagai Abang Tanjung di kalangan peminat radio Pulau Pinang, Rogayah Hashim dan beberapa juruhebah lain.

Rancangan selama satu jam ini memuatkan pelbagai segmen dan disiarkan secara langsung. Antara segmen tersebut ialah istilah di dalam dunia ketenteraan, sejarah ringkas sesebuah kor atau rejimen, personaliti dan berita semasa yang berlaku sekitar Pulau Pinang, Sungai Petani, Ipoh dan Taiping.



Rakan Zakaria, Pegawai Waran 2 Ahmad Puat Hj. Hassan sedang mengendalikan ruangan 'Perajurit' di Stesen Radio Malaysia Sarawak, Kuching





Zakaria (berdiri di tengah-tengah) ketika membuat liputan berita tentang peristiwa yang berlaku dalam dunia ketenteraan.



*Zakaria sering ditugaskan mencari berita berkaitan hal-hal ketenteraan.*



Sepanjang ingatan Zakaria mengendalikan program radio ini, segmen *Coretan Skot* amat mendapat sambutan. Perajurit yang jauh di perbatasan diberikan peluang menghantar karya mereka untuk diperdengarkan kepada peminat rancangan ini. Lazimnya perajurit yang merindui keluarga atau ingin berpantun dan bersajak akan mengirimkan karya ke ruangan ini.

Pengalaman mengendalikan rancangan radio ini amat berharga bagi Zakaria kerana dia dapat menerapkannya ketika menulis karya kreatif. Zakaria lebih mudah mengetahui cita rasa dan minat masyarakat. Malah apabila ada isu yang dirasakan menarik dan mampu menggamit naluri pembaca, Zakaria akan menjadikannya bahan untuk menulis. Rancangan "Wira Utara" ini ditiadakan setelah Zakaria bertukar ke Kementerian Pertahanan.



Zakaria dan D.J. Dave.



*Zakaria berpeluang mengenali ramai personaliti terkenal ketika mengendalikan rancangan di radio.*

Zakaria ketika di bilik siaran.



Zakaria bersama M. Shariff dan seorang kenalnya.

## BAB 6

# GIGIH MENYERTAI BENGKEL DAN KURSUS

Menimba ilmu



Zakaria dipilih sebagai peserta terbaik sedang menerima cenderamata daripada Datin Masnah Rais ketika mengikuti bengkel penulisan anjuran Persatuan Wartawan Hiburan Malaysia (1985).

Usia dan kesibukan tugas seharian tidak pernah menghalang Zakaria daripada terus menimba ilmu terutama dalam bidang yang diminatinya ini. Zakaria amat rajin menyertai bengkel atau kursus penulisan. Malah dalam simpanan Zakaria, sijil yang diperoleh hasil kursus atau bengkel yang dihidirinya cukup banyak.

Bagi memastikan dirinya tidak ketinggalan dalam dunia penulisan, Zakaria menganggotai tiga persatuan penulis iaitu Persatuan Penulis Negeri Sembilan (Pen), Persatuan Kebajikan Penulis Negeri Selangor (Kemudi) dan Angkatan Penulis Kreatif Kuala Lumpur (Aktif) yang diasaskan oleh Zakry Abadi.

Bersesuaian dengan minatnya dalam bidang penulisan skrip drama, Zakaria berpeluang menghadiri Kursus Penulisan Skrip Drama pada 16 April 1973. Kursus ini dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Malah, melalui kursus penulisan skrip drama inilah Zakaria berpeluang berkenalan dengan beberapa nama besar dalam dunia penulisan skrip seperti Hatta Azad Khan, Wahid Nasir, Talib Hassan, Megat Saiful Bahari dan ramai lagi.

Pada tahun 1978, Zakaria menyertai Kursus Asas Penulisan anjuran Angkatan Penulis Kreatif (Aktif). Pada tahun berikutnya, Zakaria menyertai bengkel penulisan anjuran Persatuan Kebajikan Penulis Selangor.

Kursus Asas Kewartawanan II anjuran Institut Akhbar Malaysia pada tahun 1983, antara kursus penulisan kewartawanan yang disertai oleh Zakaria. Baginya, kursus kewartawanan amat bererti kerana tugasnya sebagai Pegawai Perhubungan Awam memang memerlukan dia menulis rencana atau menulis berita terutama dunia ketenteraan untuk siaran akhbar.

Pada tahun 1985, Persatuan Wartawan Hiburan Malaysia telah menganjurkan bengkel penulisan. Zakaria tidak ketinggalan menyertai bengkel itu yang diadakan di Finas.

Tahun demi tahun Zakaria tidak pernah ketinggalan menyertai pelbagai bengkel dan kursus penulisan. Dia menganggap dirinya sentiasa memerlukan ilmu bantu dan maklumat terkini agar gaya penulisannya sentiasa segar.

*Kursus penulisan dan kewartawanan yang dihadiri Zakaria benar-benar membantunya ketika dia bertugas sebagai Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian Pertahanan.*





Zakaria (barisan belakang, dua dari kanan) bersama-sama peserta Kursus Penulisan Skrip anjuran Institut Tun Abdul Razak (IPTAR) di Angkasapuri, Kuala Lumpur.

Dia tidak pernah menganggap usia sebagai faktor penghalang mencari ilmu. Bagi Zakaria, di mana ada kesungguhan di situ ada jalan menuju kejayaan. Malah dia berpegang kepada prinsip, pencarian ilmu tidak pernah terhenti sehinggalah jasad berada di liang lahad.

Bengkel penulisan yang dianjurkan oleh Institut Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR) bersama RTM antara yang pernah disertai oleh Zakaria pada tahun 1987. Selain dapat menimba ilmu baru dan pengalaman dalam dunia penulisan, Zakaria merebut peluang ketika berbengkel untuk berkenalan dengan beberapa penulis tersohor negara.

Ketika menyertai pelbagai bengkel dan kursus penulisan, Zakaria berkesempatan berkenalan dengan Othman Puteh, Atondra, Azizi Hj. Abdullah, Talib Hassan, Mohd. Mansur Abdullah, Mahaya Mohd. Yassin, Agus Salim, Pena Mutiara, Zainuddin Ayip, Talib Samat, Khairuddin Ayip, Mohd Ismail Sarbini, dan beberapa orang lagi penulis terkenal negara.



Kesempatan beginilah digunakan untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai dunia penulisan negara. Mereka yang lebih lama dalam dunia penulisan dan lebih berpengalaman akan menceritakan kisah kepada kenalan baru mereka. Perhubungan tidak terhenti di bengkel atau kursus semata-mata. Apabila berkesempatan mereka akan saling mengutus surat antara satu sama lain.

*Zakaria sering menghadiri acara-acara pertemuan penulis umpamanya Hari Sastera Negara, Hari Pulsi Nasional dan sebagainya sama ada pada peringkat negeri atau kebangsaan.*

## Dan Penyampaian Hadiah Sayembara Sastera

Oleh  
YA...ri B... Pahang



Zakaria bersama Gunawan.



Zakaria juga banyak mengikuti kursus berkaitan penulisan.

Yang pasti apabila sudah berkenalan mereka akan mengikuti perkembangan kenalan baru melalui karya-karya yang tersiar. Membaca dan memberi ulasan atau kritikan yang membina adalah resam persahabatan Zakaria di kalangan teman penulis.

Pada tahun 1987, sekali lagi Zakaria menyertai kursus penulisan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kursus ini dikenali sebagai Kuliah Penulisan Sastera-Cerpen, Novel dan Drama. Pada tahun 1991, Zakaria menyertai bengkel kewartawanan. Kali ini diadakan di Pulau Pinang anjuran Kerajaan Negeri dengan Persatuan Penulis Pulau Pinang.



Zakaria ketika menjalani latihan amali perfileman di Filem Negara Malaysia pada tahun 1994, bersama-sama jurukamera Haji Basri Haji Othman.

Paling membanggakan Zakaria apabila dia turut berpeluang menyertai kursus di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan Malaysia dalam bidang Audio Visual Aids pada tahun 1998. Dia juga berkesempatan menyertai Bengkel Penulisan Lirik Lagu di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakaria sentiasa memastikan dia tidak menghadkan sesuatu bidang sahaja apabila dia berkecimpung dalam dunia penulisan. Dia lebih senang mempelajari atau mendalami ilmu

penulisan tanpa mengkhusus pada satu genre sahaja. Justeru, tidak menghairankan apabila Zakaria sentiasa menyertai bengkel penulisan baik dalam bidang cerpen, novel, skrip drama, kewartawanan mahupun lirik lagu. Bagi Zakaria, peluang hanya datang sekali seumur hidup. Dia tidak boleh membiarkan kesempatan itu berlalu begitu sahaja.

Pengetahuan ketika berkursus tidak disia-siakan Zakaria. Dia rajin menghantar karya-karyanya kepada beberapa majalah untuk disiarkan. Antara majalah yang telah menyiarkan karya Zakaria ialah *Gelombang Filem*, *Mesra*, *Manja*, *Berita Filem*, *Manis*, *Filem*, *Sejaka*, *Murni*, *Filem dan Lagu*, *Utusan Filem dan Sport*, *Alam Wanita*, *Juita*, *Gema*, *Mingguan Wanita*, *Sinar Zaman*, *Dunia Sukan*, *Balai Muhibbah*, *Perajurit*, *Pahlawan*, *Satria*, *Utusan Filem dan Fesyen* dan *Utusan Radio dan TV (URTV)*. Kebanyakan majalah yang disebutkan sudah tiada lagi dalam pasaran sekarang.

Novel bersirinya tersiar dalam majalah *Panorama* dan akhbar *Harian Nasional*. Cerita-cerita bersiri yang lain tersiar dalam *Dewan Pelajar*, *Utusan Pelajar*, *Bacaria*, *Mingguan Perdana*, *Satria* dan *Media Rakyat*. Skrip Zakaria yang bercorak keperwiraan dijadikan siri komik dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada tahun 1997 dengan judul "Wira Pasir Panjang".

Zakaria tidak ketinggalan mencuba bakat dalam penulisan humor atau jenaka. Dia diberi kepercayaan mengendalikan ruangan humor bercorak ketenteraan dalam majalah *Geli Hati*, *Batu Api*, *Warta Jenaka*, *Humor*, *Warta Gelagat* dan *Gila-gila*. Dalam *Gila-gila*, Zakaria menulis untuk "Coret-coret Perajurit". Dia mendapat galakan dan sokongan moral daripada Mishar dan Jaafar Taib. Ruangan ini kemudian diambil alih oleh Rejabhad.





Dengan itu tidak hairanlah kalau sebuah akhbar harian yang pernah menulis tentang dirinya menggelarkan Zakaria sebagai penulis “All Rounders”.

### Tiga novel berjiwa patriotik

Sesudah sekian lama berkarya, Zakaria mulai memikirkan sesuatu yang lebih serius iaitu menulis bahan untuk bacaan remaja mengenai dunia ketenteraan. Zakaria merasakan bahan bacaan remaja terutama novel berkisar dunia ketenteraan amat kurang. Sebagai insan yang amat mencintai dunia penulisan, Zakaria berasa jiwanya resah memikirkan perkara tersebut. Dia sering tertanya-tanya di dalam dirinya, apakah sumbangan yang bermakna yang boleh diberikan kepada dunia ketenteraan tanah air yang telah diceburinya sejak usia muda belia?

Bukan niatnya untuk bersaing dengan penulis ternama tanah air dan bukan untuk mencari keuntungan. Zakaria yakin dia perlu berbuat sesuatu dan menyumbangkan hasil daripada bakat penulisan yang dimilikinya untuk generasi muda. Melalui pengalaman dan pengamatannya, terlalu banyak sejarah besar dan pengalaman pahit manis dalam dunia ketenteraan yang tidak dirakamkan secara bertulis.

Berkat kegigihannya menghadap mesin taip, lahirlah tiga buah novel remaja khusus mengupas sejarah ketenteraan. Tiga buah novel ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel-novelnya itu ialah *Malam Berapi di Kalabakan* (1988), *Limpahan Darah Di Sungai Semur* (1990) dan *Pahlawan Gubir* (1991). Untuk menerbitkan novel-novel dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, pada awalnya Zakaria berasa was-was juga. Namun Zakaria bersyukur kerana dapat menembusi tembok Dewan Bahasa dan Pustaka



Tiga buah novel remaja yang mengupas sejarah perjuangan tentera mempertahankan tanah air daripada serangan komunis.

itu setelah banyak menghasilkan karya di syarikat penerbitan lain.

Tiga buah novel tulisan Zakaria ini sarat dengan mesej cinta akan tanah air. Zakaria, melalui novel ini juga menegaskan perjuangan menegakkan keamanan negara bukannya mudah bahkan menuntut pengorbanan besar, air mata, darah dan nyawa perajurit. Selain tiga rangkaian novel remaja ini, ketrampilan Zakaria dalam dunia pengkaryaan turut terserlah apabila dia mengusahakan satu projek besar.

## Biografi kemuncak kejayaan

Menghasilkan *Biografi Tan Sri Abdul Hamid Bidin* adalah satu kejayaan besar dan boleh dianggap kemuncak kepuasan Zakaria dalam dunia penulisan. Bukan mudah menghasilkan sebuah biografi lengkap dan mencatatkan secara terperinci tentang ketokohan dan kehidupan seorang jeneral iaitu Tan Sri Abdul Hamid Bidin. Biografi ini disempurnakan pada tahun 1995 dan mendapat liputan meluas seluruh negara.



*Biografi ini dilancarkan secara besar-besaran oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar Tuanku Abdul Rahman sempena ulang tahun Persatuan Perajurit Malaysia, pada 31 Julai 1995.*



Zakaria di Majlis Pelancaran Buku *Biografi Tan Sri Hamid Bidin*.



*Jeneral Tan Sri Abdul Hamid Bidin - tokoh yang dikagumi oleh Zakaria kerana semangat kepimpinan dan pengalamannya.*

Buku ini dilancarkan pada Majlis Makan Malam Amal Bakti Diraja di Kuala Lumpur. Buku setebal 246 halaman ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam dua edisi iaitu kulit keras dan kulit lembut. Buku ini merakamkan pahit maung dan perjuangan seorang tentera yang bermula daripada seorang prebet sehingga berada di kemuncak kerjaya iaitu sebagai seorang jeneral.

Zakaria berminat menghasilkan biografi itu kerana dia kagum akan semangat kepimpinan dan pengalaman luas tokoh tersebut. Namun, penulisan buku ini memerlukan ketabahan dan pengorbanan. Dia terpaksa menjelajah ke beberapa negeri di Malaysia untuk menemu bual saudara-mara serta kenalan lama Abdul Hamid. Zakaria juga terpaksa mengorbankan masa dan wang dari kocek sendiri bagi urusan tersebut.

Bagi Zakaria dia berasa amat bertuah kerana berupaya menyudahkan biografi istimewa itu sebelum Tan Sri Abdul Hamid Bidin menghembuskan nafas terakhir pada 13 Jun 1996. Zakaria bersyukur kerana penghasilan buku ini mendapat kerjasama daripada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

## Peristiwa Sungai Semur

Tragedi Sungai Semur di Gua Musang, Kelantan sudah lama berlalu. Malah ada antara anak muda yang tidak pernah mendengar nama Sungai Semur kecuali mereka yang menjadi penduduk berhampiran.

Sebagai perajurit, Zakaria berasa peristiwa pertempuran antara penganas komunis dengan Kompeni D Batalion Ketiga Askar Melayu Diraja pada 21 April 1950 adalah satu sejarah yang tidak boleh dilupakan.



Anggota tentera yang bertempur tidak langsung berundur atau mengaku kalah. Kesanggupan mereka ini amat mengharukan. Ketua Platun mereka, Leftenan Hassan Yassin telah terkorban ketika di medan tempur. Namun, dia sempat memberi pesanan dan amanat terakhirnya kepada Sarjan Jamaluddin Mohammad. Dia meminta Jamaluddin tidak berundur malah berjuang hingga ke titisan darah terakhir.

Walaupun diperintahkan oleh penganas komunis agar meletakkan senjata, Jamaluddin tidak sedikit pun gentar. Malah, dia terus mempertahankan pegangannya iaitu taat setia yang tidak berbelah bahagi.



Sesudah beberapa kali berbincang, akhirnya komunis mengarahkan Jamaluddin dan orang-orangnya menanggalkan pakaian seragam mereka.

Semenjak pertempuran itu, Sungai Semur mendapat perhatian. Hal ini disebabkan itulah kejadian pertama penganas komunis menawan pasukan keselamatan. Dalam peristiwa berdarah ini seramai 30 hingga 32 orang penganas komunis terbunuh. Manakala bagi pasukan

*Kehebatan dan keunggulan semangat pejuang tanah air tidak mungkin dibayar dengan wang ringgit atau pangkat serta darjah kebesaran. Kesanggupan 29 orang perajurit bertempur menentang penganas komunis yang seramai 250 orang adalah satu semangat yang bukan calang-calang orang mampu memilikinya.*

keselamatan seramai 25 orang anggotanya gugur di perbatasan.

Bagi Zakaria menghasilkan novel begini banyak mendatangkan keinsafan kepada dirinya sendiri. Perjuangan perajurit pada masa dahulu tidak sama dengan perjuangan pada masa kini. Mereka yang bertugas pada masa dahulu lebih terdedah kepada bahaya serangan komunis serta jerangkap samar ketika membuat operasi di hutan belantara.

Walaupun begitu, dalam keadaan yang serba kekurangan, mereka tidak sedikit pun gentar atau beralah. Semangat keperwiraan inilah yang ingin diterapkan Zakaria kepada para pembaca. Zakaria mengharapkan setiap anak muda yang membaca karyanya dapat mengimbas kembali perit jerih dan pengorbanan tentera pada zaman sebelum merdeka dahulu.

### ***Malam Berapi di Kalabakan***

Hal yang sama juga dirasakan sewaktu dia menghasilkan novel *Malam Berapi di Kalabakan*. Novel yang mempunyai dua bahagian ini mengisahkan perjuangan Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja menentang sekumpulan pengganas komunis. Pada ketika itu pengganas komunis diketuai oleh ketua Parti Komunis Indonesia, D.M. Aidit.

Kisah yang berlaku pada era konfrontasi ini berjaya digambarkan oleh Zakaria dengan sempurna dalam novelnya itu. Tarikh 29 Disember 1963 merupakan satu tarikh hitam bagi Askar Melayu dan seluruh rakyat negara ini. Perkhemahan Pasukan Askar Melayu telah diserang oleh pihak komunis. Dalam pertempuran ini Ketua Kompeni, Mejar Zainal Abidin telah terkorban namun semangat juangnya diteruskan oleh seluruh anggota lain yang masih bertahan.



Dalam bahagian kedua novel ini dicatat oleh Zakaria sebagai "Gerakan Indera Bravo". Seperti kelaziman, kisah ini berdasarkan cerita benar yang berlaku kepada pasukan keselamatan tanah air. Zakaria menggarap plotnya menjadi sebuah novel yang indah dan menarik dibaca.

Bahagian ini mengisahkan perjuangan pasukan keselamatan bertempur dengan pengganas komunis, Kompeni D yang diketuai oleh Leftenan Abd. Hamid Long menyempurnakan gerakan ini. Kejadian berdarah ini berlaku pada 9 Jun 1982. Pasukan ini telah diamanahkan untuk menghapuskan sekumpulan pengganas komunis yang dipimpin oleh Chong Chor iaitu pecahan daripada kumpulan Karak Min Yen yang dikepalai oleh Pang Kuan.

Pasukan keselamatan berjaya menumpaskan kumpulan pengganas yang amat digeruni rakyat. Mereka bukan sekadar dapat mengesan musuh yang menyamar malah mampu menjejaki musuh yang menghampiri kawasan perkhemahan mereka. Melalui semangat setiakawan dan perjuangan yang tinggi, kumpulan keselamatan berjaya memperoleh kejayaan yang cemerlang.

*Paling utama Zakaria berazam untuk menyuntik semangat keperwiraan kepada anggota angkatan tentera yang masih berkhidmat dan anak-anak muda masa kini agar sedia berbakti dengan mengikut jejak langkah pahlawan dan perwira tanah air yang telah berjasa.*



Zakaria berjabat tangan dengan Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, dalam satu majlis rasmi.



### *Telah Dewasa Kita*

*Pahlawanku  
dikau satria tercinta  
kini kita telah dewasa  
usia merangkak jua  
ranjau kehidupan berdebu.*

*Kini kita bebas merdeka  
dalam merempuh onak dan duri  
dalam cabaran seribu liku  
dengan penuh semangat waja.*

*Hidup ini penuh perjuangan  
demi menegak ibunda tersayang  
pertiwi tercinta pasti disemai  
nama pahlawan pasti di puncak  
dalam sujud menempa sejarah.*

*Biar darah merah menitis jua  
biar kepingan hati ini berkecai-berderai  
namun pahlawan pasti maju, terus mara  
pantang undur ke belakang  
pantang menyerah kalah.*

*Mara bersama semangat waja  
menyala di dada  
bagai obor yang tak akan padam  
bersama senyum sepanjang musim.*

### *Zamrud Suria*

Antara sajak karya Zakaria Salleh yang memaparkan semangat keperwiraan anggota tentera. Sajak ini dipetik daripada *Antologi Gema Serunai Hati* terbitan bersama Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) dan Kerajaan Negeri Sembilan.

## Kenangan pahit manis dalam berkarya

*"Surat" - cerpen pertama karya Zakaria Salleh telah terpilih untuk disiarkan melalui Radio Brunei.*

Ulasan dan pujian yang diterima daripada rakan-rakan serta saudara-mara menyemarakkan lagi semangat Zakaria untuk terus berkarya. Malah kritikan dan ulasan yang membina dijadikan panduan agar segala kelemahan dapat diperbaiki.

Senarai judul karya Zakaria cukup panjang. Setiap satu mempunyai kenangan tersendiri dan amat bermakna baginya. Detik paling manis bagi Zakaria adalah ketika cerpen pertama yang dihasilkannya tersiar di Radio Brunei, iaitu pada tahun 1970-an. Karya sulung yang berjudul "Surat" itu dianggap sebagai pembuka tirai baginya untuk terus maju dalam dunia penulisan.

Hasil bayaran daripada cerpen pertamanya itu Zakaria membeli sebatang pen sebagai kenang-kenangan. Kemudiannya, Zakaria berjaya membeli sebuah mesin taip hasil daripada wang bayaran enam buah cerpennya. Kegiatan berkarya Zakaria semakin rancak apabila memiliki mesin taip yang baru.

Tidak mudah patah hati dan tidak jemu antara rahsia Zakaria apabila berkarya. Selepas Radio Brunei, karya Zakaria mulai mendapat tempat di Radio Singapura, Sabah dan Sarawak.

Kemahiran dan penguasaan Zakaria yang baik dalam bidang sastera dan bahasa ini begitu menarik minat penerbit akhbar dan majalah. Justeru, Zakaria ditawarkan sebagai pengelola ruangan berpantun dalam beberapa buah majalah. Peluang keemasan ini diterima oleh Zakaria dengan senang hati dan membolehkan peminat sastera mengenali dirinya dengan lebih dekat.

Mengelolakan ruangan berbalas pantun walaupun nampaknya amat mudah, ia sebenarnya mengasah minda Zakaria untuk lebih cekap menguasai sastera tradisional Melayu. Peminat





*Segala pengalaman yang dilalui oleh Zakaria sepanjang berkhidmat dalam angkatan tentera kebanyakannya menjadi bahan penulisan karyanya. Antaranya pengalaman ketika bertempur di Pulau Sebatik, Tawau, Sabah.*

ruangan itu juga sering menghubungi Zakaria agar meneruskan ruangan itu kerana ia dapat menyuburkan kembali pantun Melayu yang semakin dilupai.

Cabaran dalam dunia penulisan bukan sekadar memerlukan kesabaran dan ketekunan. Selain gigih menulis dan tidak jemu-jemu mencari pengetahuan baru. Zakaria menganggap karya yang tidak diterima sebagai satu perangsang kepadanya agar terus rajin menulis.

Zakaria tidak pernah berasa kecewa jikalau ada tulisannya yang tidak tersiar atau dikembalikan oleh penerbit. Dia menganggap itu sebagai cabaran dan dia berusaha memperbaiki mutunya. Lazimnya setiap karya yang dihantar mendapat bayaran, namun ada ketikanya dia tidak mendapat sebarang bayaran. Bukan sekadar rencana atau cerpen, malah novelnya pun ada yang tidak dibayar walau sedikitpun.

Sungguhpun penat lelahnya bersengkang mata hingga larut malam ada kalanya tidak dibayar oleh penerbit, ini tidak menghalang Zakaria daripada terus menghasilkan karya bermutu. Baginya apabila tulisan disiarkan, itu satu kejayaan yang besar dan kepuasan bagi dirinya.

Segala keletihan hilang sebaik melihat namanya tertera di dada akhbar, majalah atau kedengaran di radio. Semuanya ini tidak mematahkan semangat Zakaria. Dia menganggap ia satu cabaran dan asam garam dunia penulisan.

Dalam kesibukan bertugas di Parlimen Malaysia, Zakaria masih lagi cergas berkarya. Kini dia sudah menyiapkan beberapa buah manuskrip novel yang menunggu masa untuk diterbitkan.

Dua buah manuskrip yang berkaitan dunia ketenteraan kini dalam penilaian pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Manuskrip tersebut berjudul "Darah Hanyir di Sungai Chalit" dan "Wira Pasir Panjang". Selain itu dua buah novel remajanya berjudul "Dahaga Cinta" dan "Gelora Cinta Berliku" dalam urusan penerbitan oleh Syarikat Rhythm Publishing Sdn. Bhd.

Setiap kali novelnya yang berkisar dunia ketenteraan diterbitkan, Zakaria berasa ada sesuatu yang tidak sempurna. Keinginan untuk menulis dengan lebih baik dan bermutu sentiasa membara di dalam jiwanya.

Walaupun teman-teman sekeliling memuji karyanya, Zakaria lebih berpuas hati jikalau dia menerima kritikan. Bagi Zakaria hasil penulisan seseorang penulis akan menjadi lebih baik apabila karya mereka dikritik. Melalui cara begini barulah segala kekurangan dan kelemahan karya itu dapat diperbaiki pada masa hadapan.

Nikmat kegembiraan dan kepuasan tergambar di wajah Zakaria, sekiranya karya-karyanya menepati selera pembaca sasaran.

*"Kritikan yang saya terima terhadap karya-karya saya semakin menyemarakkan semangat saya untuk terus menghasilkan karya yang lebih baik"*

- Zakaria Salleh





Pengalaman merantau ke negara orang kadang kala dimanfaatkan Zakaria dalam bahan penulisannya. Zakaria di tengah kesibukan Kota London.

## Tarikh Penting:

- 1944 – 13 Mei : Zakaria dilahirkan di Kampung Jaha, Sungai Mati, Matang, Taiping, Perak.
- 1964 – 16 Jun : Menjalani latihan rekrut ketenteraan di Port Dickson.  
: Mula berkhidmat di Batalion Kelima Askar Melayu Diraja



- 1967 : Pertama kali diperkenalkan dengan bakal isterinya Norayne Abdul Majid.
- 1968 – 16 Mac : Dijabkabulkan.



- 1968 – 29 Disember : Kenduri perkahwinan diadakan.
- 1970-an : Cerpen pertama berjudul "Surat" disiarkan di Radio Brunei.
- 1970 – 24 Ogos : Anak sulung Zakaria, Azli Sham dilahirkan.



1971 – 10 Jan : Dilantik ke pangkat Lans Koperal. Setelah bertukar ke Kementerian Pertahanan.

1972 – 1 Jun : Dinaikkan ke pangkat Koperal.



1973 – 16 April : Menghadiri Kursus Penulisan Skrip Drama oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

1973 – 21 Julai : Dinaikkan ke pangkat Sarjan.

1973 – 8 Ogos : Anak kedua, Azura Ayu dilahirkan.



1975 – 16 Januari : Azean Edawati, anak ketiga dilahirkan.



1975 – 1 Ogos : Dinaikkan ke pangkat Staf Sarjan dan bertukar ke Pasukan Batalion Ke-11 Askar Wataniah, Seremban.

1977 : Zakaria ditukarkan ke Maktab Tentera Diraja Sungai Besi.

1977 – 3 November : Azliana, anak keempat, dilahirkan.



1978 – 9 Julai : Dinaikkan ke pangkat Pegawai Waran Kelas Kedua P.W (2) setelah selesai menghadiri kursus Kuatermaster Kompeni Sarjan Mejar (KKSM).

1978 : Menyertai Kursus Asas Penulisan anjuran Angkatan Penulis Kreatif (Aktif).

1979 : Menyertai Bengkel Penulisan anjuran Persatuan Kebajikan Penulis Selangor.

1980 – 6 Januari : Anak kelima, Azharuddin dilahirkan.



1981 – 8 Januari : Ditauliahkan sebagai Leftenan dan ditugaskan di Batalion ke-III Askar Wataniah Seremban.



1982 : Ditukarkan ke Cawangan Perhubungan Awam, Kementerian Pertahanan.

1983 – 8 Januari : Dinaikkan ke pangkat Kapten dan bertugas sebagai Pegawai Perhubungan Awam.



1983 : Menyertai Kursus Asas Kewartawanan II anjuran Institut Akhbar Malaysia.

1985 : Menyertai Kursus Kewartawanan anjuran Persatuan Wartawanan Hiburan.

1986 – 27 April : Anak keenam, Azfar Aizat dilahirkan.



1987 – 2 Julai : Dinaikkan ke pangkat Mejar.



1987 : Menghadiri Bengkel Penulisan anjuran Institut Penyiaran Tun Abdul Razak dan RTM.  
: Novel *Malam Berapi di Kalabakan* diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

1988 : *Simpulan Bahasa Melayu – Praktik dan Peribahasa Melayu Praktik* diterbitkan.



1989 – 28 September : Anak ketujuh, Azyan Fatin dilahirkan.



- : Novel “Pahlawan Gubir” dan “Limpahan Darah di Sungai Semur” diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
- : Memenangi Hadiah Saguhati Peraduan Menulis Skrip Drama TV berunsur Islam, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

1992 : Mengendalikan rancangan radio “Wira Utara” di RTM Radio Pulau Pinang.

1994 : Dianugerahi bintang Ahli Mangku Negara (AMN) daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.



1994 – 27 April – 6 Jun : Menunaikan fardhu haji bersama-sama isteri.



1994 – 13 Mei : Bersara dengan pangkat Mejar.



1995 – 31 Julai : Pelancaran buku *Biografi Tan Sri Abdul Hamid Bidin*.



1995 – 13 Ogos : Perkahwinan anak sulung Zakaria, Azli Sham dan Noraiziah Mohd. Baki.

1997 – 1 Mei : Kelahiran cucu pertama Zakaria - Mohd. Najmi Hakim.

1997 : Karya Zakaria "Wira Pasir Panjang" dijadikan siri komik dalam akhbar *Utusan Malaysia*.

1999 – 16 April : Mohd. Zarif Iskandar - cucu kedua dilahirkan.

1999 – Ogos : Mengikuti rombongan ke Persidangan "30<sup>th</sup> Regional Conference Accra" di Ghana.

2000 : Novel "Limpahan Darah di Sungai Semur" dijadikan Buku Teks Sastera (Tingkatan 1)

2000 – 18 Ogos : Cucu ketiga, Nur Atiqah dilahirkan.

